



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

Jilid III Bil. 12

Hari Isnin

10hb Julai, 1989

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (Ruangan 37)

Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Ruangan 81)

**Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia, Kawalan
Pertukaran Wang, Insurans dan Takaful (Pindaan)** (Ruangan 100)

USUL:

Penangguhan Mesyuarat (Ruangan 109)

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pembasmian Kemiskinan - Y.B. Tuan Chan Choong Tak (Ruangan 109)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 10hb Julai, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

AIDS - KAWALAN BAHAYA BAWAAN PELANCONG

1. Tuan Hassan bin Harun minta Menteri Kesihatan menyatakan perkembangan mengenai penyakit AIDS di Malaysia sekarang. Benarkah pertambahan mangsa penyakit itu telah meningkat dengan pesatnya. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengawal dan mencegah merebaknya penyakit ini melalui pelancong-pelancong Barat terutamanya dengan peningkatan kemasukan mereka ke Malaysia kini kerana dasar pelancongan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes AIDS yang pertama telah dikesan pada bulan Disember 1986. Semenjak dari tarikh ini sehingga 10hb Julai, 1989 sebanyak 7 lagi kes AIDS dikesan. Ini membawa jumlah kes AIDS yang dikesan setakat ini sebanyak 8 orang. Angka-angka ini menunjukkan bahawa pertambahan mangsa penyakit ini adalah tidak meningkat dengan pesatnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, semua kelapan-lapan kes AIDS yang dikesan ini dijangkiti dengan kuman AIDS semasa mereka tinggal di luar negeri.

Pada masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk menyekat pelancong-pelancong barat masuk ke negara kita dan juga tidak

bercadang untuk mengenakan ujian darah kepada mereka. Tindakan seperti ini tidak diperakukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) oleh sebab ianya tidak akan dapat mencegah kemasukan penyakit AIDS ke satu-satu negara.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia sendiri telah menekankan bahawa cara yang paling efektif sekali untuk mencegah kemasukan dan merebaknya penyakit AIDS di satu-satu negara itu ialah melalui pelajaran kesihatan tentang cara-cara jangkitan penyakit AIDS, dan juga menentukan bahawa darah atau hasil darah yang didapati di dalam negeri ataupun yang diimport daripada luar negeri untuk kegunaan pesakit-pesakit adalah bebas daripada kuman AIDS. Kedua-dua strategi yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia itu telah dan terus dilaksanakan oleh Kementerian saya.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan, soalnya berkaitan dengan apakah rancangan Kerajaan untuk rakyat Malaysia seramai lebih kurang 80,000 yang melawat negeri Thai tiap-tiap tahun dari membawa penyakit AIDS daripada negeri itu kerana didapati akhir-akhir ini penyakit AIDS di negeri Thai telah meningkat dengan banyaknya?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan tadi, cara yang paling baik yang diperakukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia ialah melalui pendidikan mengenai cara-cara untuk mengelakkan dijangkiti oleh penyakit AIDS. Dan Kerajaan telahpun membuat beberapa tindakan untuk mendidik orang ramai, khususnya 80,000 orang yang disebutkan itu. Saya juga hairan mengapa begitu banyak yang menghala ke Thailand, tetapi cara yang paling

baik ialah mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara maksiat. Itu yang paling baik - mengelakkan, tetapi kebanyak tak boleh sabar.

Kementerian Kesihatan dengan terus terang menyeru orang-orang yang hendak melakukan perkara-perkara yang tidak diingini itu hendaklah menyarungkan diri, bukan dengan kain tetapi dengan getah, Itulah cara yang paling baik. Dan kedua, kita hendak mengajar rakyat jelata mengenai golongan-golongan yang berisiko tinggi yang mungkin digerang oleh penyakit AIDS ini iaitu yang pertama golongan homoseks, kedua golongan haemophilia, yang ketiga golongan pelacur dan keempat golongan penagih dadah.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenan, apakah cara-cara, dengan izin, scientific method. yang dijalankan untuk mengesan penyakit AIDS atau seseorang pendatang dari luar ke Malaysia ini yang mempunyai ataupun yang memiliki kuman, virus AIDS ini?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat oleh kerana itu adalah satu soalan yang bernas.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengesani virus AIDS, Kementerian saya ada dua cara iaitu pertama daripada ujian darah terhadap mereka yang kita syaki telah diserah oleh AIDS. Ujian itu dilakukan dengan dua peringkat, Peringkat yang pertama ialah yang kita panggil peringkat penapisan darah dan yang amat baik ialah selepas seseorang terdedah kepada penyakit AIDS, umpamanya melawat seorang pelacur atau ada perhubungan seks dengan seorang homoseks dan sebagainya.

Jadi, masa yang paling baik untuk dia pergi ke hospital untuk menguji darahnya ialah selepas tiga bulan, jangan terlalu awal, jika terlalu awal kita tidak dapat kesani virus AIDS ini. Tetapi apabila dia pergi ke peringkat pertama iaitu ujian penapisan dan jika ujian ini tidak reaktif, ia bermakna dia tidak ada kuraan AIDS, tetapi kalau ujian ini ada reaktif, itu bermakna dia telah terdedah kepada virus Aids ini. Dari selepas itu kalau dia reaktif, kita menggalakkan dia membuatkan kajian yang kedua. Kajian kedua itu ialah ujian pengesahan. Dan mungkin kalau terdapat reaktif pada peringkat yang pertama, mungkin tidak reaktif pada peringkat yang kedua. Tetapi kalau dia reaktif pada peringkat yang kedua, ini bermakna dia telah diserang oleh virus AIDS dan virus AIDS itu masih ada dalam badan orang yang diuji itu.

Mengenai *tourists* yang masuk ke negara kita, kita tidak ada rancangan untuk menyiasat mereka. Kita tidak ada rancangan untuk uji darah mereka. Dan sebenarnya Ahli Yang Berhormat membawa perkara ini, di seluruh dunia ini tidak ada sebarang negara yang ada melakukan ujian ini. Sekian.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya cuba dapatkan sedikit keterangan dari Setiausaha Parlimen yang berkenaan. Soalan yang pertama, apakah bilangan lapan orang pesakit ini semuanya lelaki ataupun semuanya perempuan dan apakah bangsanya.

Mengikut keterangan yang diberikan sekejap tadi ialah penduduk Malaysia, dan mereka ini ataupun pesakit ini tslahpun sembuh ataupun tidak, maknanya telah bersih daripada kuman AIDS *ini*. Ini soalan.

Tuan Chui Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, sampai tahap ini seluruh dunia kita tidak dapat perubahan untuk menyembuhkan penyakit AIDS. Kita hanya boleh menahankan "impact" serangan AIDS.

Mengenai bilangan orang yang diserang oleh kuman AIDS *ini*, daripada maklumat yang diberikan kepada saya, ada orang Melayu pun, orang Cina pun, dan daripada jumlah 8 orang ini, 6 telah meninggal dunia, hanya 2 yang masih hidup. Untuk maklumat lanjut untuk Ahli Yang Berhormat, sampai hari ini yang sebenarnya penyakit AIDS yang diperolehi atau diserangi oleh negara ini amat rendah kalau kita bandingkan dengan Amerika Syarikat yang mempunyai lebih 90,000 lebih kes penyakit AIDS.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya mengucapkan syabas kepada Setiausaha Parlimen yang menjalankan tugas untuk menjawab soalan Dewan Negara. Kalau dahulu di Dewan Rakyat, Yang Berhormat menyoal Menteri, hari **ini**, Yang Berhormat kena menjawab. Tadi, saya dengar Yang Berhormat menjawab soalan pertama Kementerian menasihatkan, termasuk Yang Berhormat sendiri, menasihatkan supaya mengelakkan daripada penyakit AIDS menyarungi diri dengan getah. Begitu bukan? Jadi, saya ingin tahu adakah Kementerian Kesihatan mengeluarkan "supply" getah ini. Kalau ada, di mana kami boleh dapat benda ini. **[Ketawa]**

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tidak tetapi kalau Yang Berhormat akan berhubung dengan saya, saya boleh membekalkannya. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,

soalan pertama saya telah dijawab sama dengan soalan sahabat saya tadi iaitu mengenai pengesanan kuman-kuman atau virus AIDS **ini**. Saya ingin bertanya kepada penjelasan Yang Berhormat, sebutkan tadi, Kementerian Kesihatan menjalankan kempen-kempen penerangan ataupun pendidikan hal ehwal pelajaran mengenai AIDS. Saya ingin bertanya cara mana penjelasan, penyerangan ataupun kempen itu dilancarkan. Kemudian, adakah tanya kalau dari segi pendidikan melalui Kementerian Pendidikan. Dan yang ketiga, adakah program-program khas mengenai lecture atau ceramah atau apa sahaja yang berkaitan dengan membentuk ataupun untuk meng'educace', dengan izin, yang ingin memberikan pengetahuan kepada masyarakat umum mengenai kuman ataupun wabak AIDS ini.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah telah melakukan kebanyakan aktiviti-aktiviti untuk mendidikan rakyat jelata dan untuk mendidikan kakitangan-kakitangan yang kita ada di hospital-hospital, klinik-klinik dan di pusat-pusat kesihatan. Dan berhubung rapat dengan Kementerian Pendidikan untuk meng'educate' orangramai, kita ada melakukan banyak kempen. Kita telah sampai tahap ini, maklumat pelajaran kesihatan ini disebarkan melalui bahan-bahan cetak seperti poster, risalah dan buku kecil, akhbar-akhbar tempatan, radio dan television dan melalui ceramah, dialog, forum dan sebagainya. Sebanyak 135,000 poster, 400,000 risalah dan 100,000 buku kecil seperti ini - AIDS, telah diterbitkan sehingga ini dengan jumlah besar kos sebanyak \$45,000. Kerajaan saya akan melaksanakan lebih lagi program untuk mendidikan rakyat jelata termasuk satu kempen yang kita sekarang sedang buat iaitu membuat tiga filem thriller mengenai penyakit AIDS dan cara-cara untuk mengelakkan diserang oleh penyakit ini. Sekian, terima kasih.

PUSAT PEMBANGUNAN

2. **Dr. Nordin bin Selat** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan kejayaan Kerajaan mewujudkan pusat-pusat pembangunan (Growth Centres) dalam rancangan-rancangan kemajuan tanah. Berapa banyakkah yang dirancang dan berapa banyakkah yang berjaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, FELDA memainkan kemajuan rancangan-rancangan tanah. Dalam Rancangan Malaysia Kalima, 30 kawasan pusat pembangunan telah dikenalpastikan tetapi telah dikaji dari segi potensi, lokasi dan ekonomi, kita bertumpu kepada 17 buah pusat pembangunan. Pusat-pusat pembangunan yang kita diselenggarakan, kita bekalkan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, infrastruktur lain, tanah, air, elektrik, gerai, kedai, sekolah dan sebagainya lagi. Sehingga sekarang ini terdapat yang kita telah siapkan ialah 15 buah pusat-pusat pembangunan dan dua lagi sedang kita diselenggarakan.

RANCANGAN FELDA - JUMLAH CALON

3. Tuan G. Rajoo minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah calon yang berjaya dalam temuduga dan kini menunggu ditempatkan dalam Rancangan-rancangan FELDA di setiap negeri semenjak tahun 1975;
- (b) jumlah calon menunggu yang berjaya ditempatkan dalam Rancangan-rancangan FELDA di negara ini semenjak tahun 1980 setiap tahun mengikut negeri; dan
- (c) apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Kementerian supaya setiap calon yang berjaya dalam temuduga ditempatkan dalam Rancangan-rancangan FELDA dengan segera.

Tuan Adam bin Abdol Kadir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum projek-projek pembangunan oleh semua agensi-agensi pembanguaan termasuk FELDA, FELCRA dan RISDA adalah ditentukan dan dirancangankan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Maaf! Saya ingat soalan.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ketiga.

Tuan Adam bin Abdol Kadir: Banyak sangat soalan pada hari ini jadi saya tersalah tengok. Jawapan bagi soalan Yang Berhormat Tuan G. Rajoo ialah:-

- (a) Bilangan calon peneroka yang berjaya di dalam temuduga dan kini menunggu untuk ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA adalah seramai 10,830 orang dan bilangan penempatan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Calon Menunggu
Johor	6,662 orang
Perak	1,021
Sabah	620
Kedah	650
Terengganu	894
Pahang	Tiada
Negeri Sembilan	309
Perlis	218
Melaka	124
Selangor	212
Kelantan	120
Jumlah	10,830 orang

- (b) Sehingga sekarang ini seramai 114,029 orang peneroka telah ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA. Bilangan penempatan peneroka mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan	orang
Pahang	43,89	8
Johor	27,646	"
Negeri Sembilan	17,239	"
Terengganu	7,945	"
Perak	5,977	"
Kedah	2,976	"
Kelantan	3,218	"
Selangor	2,401	"
Melaka	1,328	"
Perlis	892	"
Sabah	691	"
Sarawak	Tiada	"
Jumlah	114,029	orang

- (c) Bagi membolehkan calon-calon yang berjaya dalam temuduga ditempatkan dalam rancangan-rancangan FELDA dengan segera, FELDA merancang untuk membuka lebih banyak lagi kawasan-kawasan baru terutamanya di negeri-negeri di mana terdapatnya ramai yang masih ada di dalam senarai menunggu. Bagaimanapun, pembukaan kawasan-kawaaan baru ini bergantung kepada terdapatnya kawasan-kawasan yang sesuai yang diluluskan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kepada FELDA.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, calon-calon yang berjaya di dalam temuduga ini menunggu ditempatkan semenjak tahun 1975 iaitu lebih kurang sudah 14 tahun. Masa mereka ditemuduga umur mereka hanya 30 tahun, sekarang umur mereka sudah meningkat kepada 49 tahun. Kalau seseorang berumur 50 tahun menjadi peneroka, saya ingat itu akan menimbulkan masalah. Apakah salahnya Kerajaan memberitahu mereka kalau tidak ada tempat bahawa mereka tidak berjaya, atau mengambil apa-apa tindakan yang lain dengan segera? Kenapa orang-orang ini harus tunggu hingga 14 atau 15 tahun dan menulis aurat kepada Kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Menteri-menteri Beaar yang menyebabkan banyak masalah. Bolehkah Kementerian buat satu keputusan dan sebelum umur mereka meningkat beritahu mereka sama ada ada peluang atau tidak?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, lazimnya tiap-tiap usaha yang kita lakukan seperti menemuduga dan sebagainya selepas itu kita susuli dengan jawapan. Soal penempatan ini seperti juga dalam hukum ekonomi iaitu daripada segi supply dan demand, kalau ramai minta demandnya banyak dan tempatnya kurang itupun akan menjadikan ada pihak-pihak yang tidak mendapat tempat.

Untuk makluman bersama proses untuk memilih peneroka-peneroka bukanlah jatuh kepada kita sahaja, agensi seperti Kementerian ini ataupun FELDA tetapi juga pihak-pihak Kerajaan Negeri dan juga yang ada kaitan dengan pertimbangan agensi-agensi tempatan. Jadi, untuk kita memberikan sebab memang sesiapa yang tidak dapat diberikan sebab mengapa mereka tidak dapat. Ada pula yang terpaksa menunggu lama sepertimana Yang Berhormat sebutkan tadi,

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan apakah reaksi Kementerian berkenaan berhubung dengan saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar bin Baba supaya peneroka—peneroka yang akan ditempatkan di rancangan-rancangan ini menebang sendiri supaya mereka merasa bagaimana susahnyanya sebagai seorang peneroka dan juga saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya FELDA tidak lagi meminta bantuan sepertimana sekarang ini FELDA sentiasa mendapat bantuan untuk membuka tanah-tanah baru semasa lawatan Yang Amat Berhormat ke Hulu Perak baru-baru ini?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama yang berkaitan dengan statement atau kenyataan Encik Ghabar, kenyataan itu dibuat dalam satu Majlis Perasmian Pertubuhan Peneroka di Bukit Goh, Kuantan. Dalam ucapan, Encik Ghabar mencadangkan supaya peneroka-peneroka ini tahu berdikari dan tahu susah senangnyanya membuka rancangan tanah, tidak seperti setelah rancangan ditanam 3 tahun barulah mereka masuk. Jadi, apabila kenyataan ini datang daripada Timbalan Perdana Menteri, saya percaya ini sudah hampir menjadi satu keputusan dasar. Apabila sudah menjadi satu keputusan dasar tugas kita adalah hendak melaksanakan dasar itu.

Soalan kedua, lebih besar lagi kenyataan daripada Perdana Menteri. Tentu sekali kenyataan itu berdasarkan fakta-fakta dan asas-asas yang susah kita nafikan. Sekiranya apabila kenyataan ini juga dijadikan sebagai satu dasar, tentu sekali Kementerian ini dan juga FELDA akan melaksanakan dengan sebaik-baik dan keberkesanan mungkin.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya soalan yang telahpun ditanya oleh Yang Berhormat tadi. Cuma ada satu soalan tambahan. Bilakah agaknya pada pendapat Yang Berhormat bahawa FELDA akan mula memberikan pulangan hasilnya kepada Kerajaan?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, ini ada kaitan dengan soalan pertama tadi dan soalan tentang pulangan ini telah disentuh secara lantang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Jadi kalau kita tinjau dari segi prestasi badan-badan yang berkaitan dengan pembangunan tanah ataupun yang mengusahakan kelapa sawit, getah dan sebagainya tentu sekali FELDA merupakan sebuah badan yang besar. Jadi apa yang disarankan oleh Perdana Menteri yang berbunyi kalau tidak silap saya ialah kalau syarikat ataupun firma-firma yang lebih kecil daripada FELDA itu boleh menghasilkan hasil yang boleh membawakan keuntungan kenapa pula FELDA tidak membawa keuntungan pada waktu *ini*. Jadi, tentang waktunya juga sepertimana yang saya sebutkan tadi apabila asasnya sudah betul bahawa FELDA yang begitu besar yang mempunyai tanah pembangunan yang hampir dua juta ekar itu umpamanya harus membawa pulangan, tentulah apabila keputusan dasar dibuat nanti maka strategi-strategi bagaimana hendak menjadikan FELDA ini sebagai sebuah badan yang boleh membawa keuntungan berbanding dengan firma-firma, jadi strategi-strategi itu akan kita laksanakan menurut penentuan dasar daripada pucuk pimpinan Kerajaan itu sendiri.

BIASISWA KERAJAAN - SYARAT PEMBERIAN

4. Tuan Chan Choong Tak minta Perdana Menteri menyatakan mengenai syarat-syarat untuk mendapatkan biasiswa Kerajaan kepada:

- (a) pelajar-pelajar; dan
- (b) pegawai-pegawai Kerajaan yang akan melanjutkan pelajaran dan nyatakan bilangan pemegang biasiswa kini yang belajar di
 - (i) tempatan;
 - (ii) luar negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, pemberian biasiswa Kerajaan kepada pelajar-pelajar adalah berdasarkan kepada syarat-syarat seperti berikut:-

- (1) Mendapat tempat di universiti-universiti tempatan ataupun di luar negeri.
- (2) Kecemerlangan keputusan peperiksaan mengikut bidang-bidang kursus ataupun pengajian yang ditetapkan di bawah rancangan-rancangan tertentu.
- (3) Mengikut kursus-kursus keutamaan yang ditetapkan oleh penganjur-penganjur dari masa ke semasa.
- (4) Aktif di dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum.

Pemberian biasiswa kepada pegawai-pegawai Kerajaan pula adalah berdasarkan kepada syarat-syarat seperti berikut:-

- (1) Pegawai-pegawai hendaklah disahkan di dalam jawatan dan mempunyai rekod prestasi perkhidmatan yang cemerlang.
- (2) Berkhidmat di dalam perkhidmatan tetap dan di dalam tempoh tertentu.
- (3) Mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan.
- (4) Untuk mengikuti kursus/latihan di peringkat Ijazah Lanjutan seperti Sarjana ataupun Kedoktoran, pegawai-pegawai mestilah mempunyai ijazah-ijazah asas ataupun Sarjana ataupun yang setaraf dengannya dan memenuhi syarat-syarat kriteria pemilihan yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh Kerajaan.

Bilangan pemegang biasiswa pada masa ini adalah seperti berikut:-

Universiti Tempatan	Bilangan (orang)
Jabatan Perkhidmatan Awam	7,131
Kementerian Pendidikan	998
MARA	1,815

Universiti/Institusi Luar Negeri	Bilangan (orang)
Jabatan Perkhidmatan Awam	7,165
Kementerian Pendidikan	606
MARA	2,681
Petronas	927

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan faktor-faktor yang dibincang untuk memberikan biasiswa itu tidakkah latar belakang keluarga itu diambil sebagai satu faktor yang penting? Kerana saya selalu mendapat tahu bahawa ada di antara calon-calon yang diberikan biasiswa, mereka datangnya daripada rumah yang sangat-sangat kaya. Maka saya hendak tahu sama ada orang yang miskin serta latar belakangnya diambil sebagai faktor yang penting.

Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, latar belakang keluarga para-para pemohon untuk mendapatkan biasiswa juga diambil kira. Sebab itu kalau diperiksa maka didapati sebahagian besar daripada mereka yang mendapat biasiswa ialah daripada golongan-golongan yang memerlukan biasiswa. Kalau Yang Berhormat tadi sebut bahawa ada di kalangan orang, saya tidak mahu kata kaya tetapi mungkin dianggapkan keluarga yang berada, tetapi mereka ini mendapat biasiswa kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi salah satu daripada kementerianinya ialah kecemerlangan. Kita tidak pula menafikan bahawa mereka yang datang dari keluarga-keluarga yang berada tidak berhak untuk mendapat biasiswa. Kadangkala biasiswa ini kita nampak sungguhpun mereka ini datang daripada keluarga-keluarga yang berada tetapi untuk pergi ke luar negara di mana memerlukan perbelanjaan di antara \$40,000 hingga \$50,000 setahun maka keluarga yang nampak berada ini mungkin tidak mampu untuk menyara anak-anak mereka, maka mereka ini juga diberikan hak untuk mendapat biasiswa.

Tuan Haji Jaafar bin Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka suka mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan berhubung dengan biasiswa ini, nampaknya masa sekarang Kerajaan menumpukan bantuan secara pinjaman. Jadi bagaimanakah halnya skim biasiswa secara terus menerus yang dijalankan dulu?

Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Partua, saya ingin menjelaskan bahawa biasiswa merupakan satu bantuan penuh Kerajaan yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan-keputusan peperiksaan yang cemerlang dengan syarat-syarat yang seperti saya sebutkan tadi. Sebelum 1.1.1987 Jabatan Perkhidmatan Awam telah melaksanakan dua dasar untuk bantuan iaitu biasiswa dan dermasiswa kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri. Bagaimanapun di dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 22.10.1986 telahpun bersetuju supaya peruntukan biasiswa ditukarkan kepada peruntukan pinjaman berdasarkan nisbah 20% biasiswa dan 80% pinjaman. Tujuan skim baru ini ialah seperti berikut iaitu:

- (1) Kerajaan, dapat memastikan bahawa pelajar-pelajar akan mengikuti kursus dalam bidang-bidang yang diperlukan.
- (2) Sebagai satu galakan/dorongan serta menimbulkan kesedaran dan tanggungjawab kepada pelajar-pelajar supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan yang cemerlang.
- (3) Tidak menjejaskan peluang kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri.

Ini saya maksudkan ialah pada keseluruhannya pelajar-pelajar

diberikan pinjaman dan pinjaman ini dapat ditukarkan kepada biasiswa mengikut pencapaian siswa itu. Contohnya kalau seseorang itu mendapat 1st Class Honours maka ada kemungkinan pinjaman ini ditukar menjadi biasiswa sepenuhnya, dan bagi mereka yang mendapat 2nd Class Honours mungkin 50% sahaja dikirakan sebagai pinjaman. Baru-baru ini pihak MARA pun telah mengumumkan bahawa bagi mereka yang meminjam daripada MARA kalau, mendapat 1st Class Honours akan ditukarkan pinjaman itu kepada biasiswa sepenuhnya.

Kita berpendapat melalui sistem ini ianya akan menggalakkan para-para pelajar akan terus berusaha sepanjang masa bukan sahaja diberikan biasiswa berasaska kepada keputusan STPM atau SPM. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah penjelasan saya iaitu Kerajaan tetap menetapkan 20% daripada peruntukan yang diberikan ini untuk biasiswa dan 80% untuk pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan hanya satu lagi soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan P. Balaram.

Tuan P, Balaram: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu selain daripada Kerajaan Malaysia yang memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar kita untuk melanjutkan pelajaran di dalam negeri dan di luar negeri apakah Kerajaan-kerajaan lain ataupun negara-negara yang lain menghulurkan bantuan biasiswa atau bantuan kewangan yang lain kepada pelajar-pelajar kita?

Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita memang menerima tawaran biasiswa atau bantuan-bantuan tertentu dari banyak negara-negara asing dan ini digunakan sepenuhnya oleh negara ini kalau memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

HARGA GETAH - SEBAB PENURUNAN

5. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapa di waktu kebelakangan ini didapati harga getah menurun. Adakah disebabkan kurang permintaan oleh negara—negara pembeli ataupun permainan tidak sihat oleh negara-negara tertentu dalam pasaran getah dunia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md.

Ali]: Tuan Yang di-Pertua, harga getah adalah tertakluk kepada perkembangan pasaran dan berada di paras tertinggi pada bulan Jun 1988, Walau bagaimanapun harga getah telah mula menurun balik pada bulan Julai 1988. Faktor yang menyebabkan harga menurun sejak bulan Julai tahun lepas ialah:-

- (1) Kemerosotan pembelian oleh dua buah negara pembeli utama iaitu Republik Rakyat China dan Republik Korea Selatan disebabkan oleh keadaan sosio-ekonomi serta politik yang kurang mantap di kedua-dua negara tersebut.
- (2) Beberapa kemungkinan telah berlaku di dalam sektor pembuatan sarung tangan di mana ianya telah menjejaskan industri latex pekat. Di samping itu kemungkinan juga berlaku di dalam kontrak latex di dalam dan di luar negeri dan keadaan ini telah memberi tekanan terhadap pasaran getah serta menjejaskan harga-harga bahan tersebut.
- (3) Pelepasan getah stok penimbal oleh Persatuan Getah Asli Antarabangsa (INRO) ke dalam pasaran sejak Disember 1988 hingga Jun tahun ini, ini sedikit sebanyak mengurangkan permintaan dari pengguna bagi bahan tersebut.

Walaupun faktor-faktor tersebut telah mempengaruhi harga getah tetapi harga getah sejak kebelakangan ini masih kekal di paras yang berpatutan.

ARQAM - KEGIATAN PEMIMPIN DI LUAR NEGERI

6. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kementerian itu sedar mengenai kegiatan Pemimpin Arqam yang tidak berdaftar itu menjalankan kegiatan dakwah sesatnya di Negara-negara Islam dan mempengaruhi pelajar-pelajar Islam dari Malaysia di luar negeri. Kalau sedar apakah langkah-langkah positif dan berkesan telah diusahakan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato Alias bin Md. Ali]: izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato Alias bin Md. Ali: Kerajaan memang sedar adanya kegiatan-kegiatan para pemimpin Arqam di luar negeri. Kumpulan sasaran utama mereka ialah pelajar-pelajar Malaysia dan objektif mereka ialah untuk meluaskan pengaruh Arqam, di samping mendapatkan cerdik-pandai dari kalangan pelajar kita supaya mereka masuk Arqam setelah kembali ke Malaysia kelak.

Antara langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan ialah mengarahkan perwakilan di luar negeri untuk memberi segala keterangan dan makluma digalakkan menubuhkan persatuan mereka sendiri yang bercorak sosial, kebajikan dan keagamaan. Pelajar-pelajar kita juga diberi segala peluang bertemu dengan pemimpin-pemimpin dari tanahair yang sedang melawat negara-negara itu untuk mendapatkan penerangan lebih lanjut. Di sini saya ingin menekankan bahawa pelajar-pelajar kita tidak harus bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan. Mereka perlu menilai sendiri akan sesuatu yang akan mempengaruhi pemikiran dan masa depan mereka.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya saya tujukan kepada Kementerian Luar tetapi saya yakin Timbalan Menteri yang menjawab sebentar tadi boleh menjawabnya, iaitu adakah Kementerian Luar sedar bahawa kemunculan Al arqam di luar negeri ini kadang kalanya menyentuh dan mencabar Kedutaan kita di luar negeri kerana mereka berlagak seolah-olah sebagai Duta dari negara sedangkan mereka tidak mewakili pihak berkuasa agama daripada negara kita.

Kedua, adakah pihak Kementerian Luar menyedari juga mengenai ajaran-ajaran sesat **ini**, iaitu adakah pihak Kementerian Luar menghubungi pihak bahagian Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri mengenai fatwa-fatwa yang dibuat oleh Jabatan itu berkaitan dengan penyelewengan akidah Alarqam yang boleh menjejaskan akidah pelajar-pelajar kita di luar negeri?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidak dapat bertindak mengambil langkah-langkah untuk menyekat sebarang orang daripada negara kita yang pergi ke luar negeri dan berlagak sebagai Duta kecuali mereka mendakwa bahawa mereka sebagai Duta yang sah dilantik oleh Kerajaan sedangkan mereka tidak dilantik sebagai Duta ataupun orang yang menyamar **diri** sebagai Duta. Tetapi kalau kelakuan mereka menunjukkan bahawa mereka seolah-olah berlagak sebagai pegawai dengan tidak mendakwa bahawa mereka pegawai, maka tidak dapat kita ambil apa-apa tindakan terhadap mereka. Terpulanglah kepada pihak pelajar-pelajar kita untuk menilai kelakuan orang-orang seperti ini sekiranya benar-benar berlaku perkara itu.

Kedua, mengenai soal ajaran sesat, sekiranya ada rakyat Malaysia yang pergi keluar negeri menyebarkan ajaran-ajaran sesat, maka itu

tertakluk kepada undang-undang yang terdapat dalam negara yang berkenaan dan sekiranya/ kesalahan seperti, itu tidak menjadi kesalahan di negara tersebut, maka pihak Kerajaan Malaysia tidak boleh mengambil tindakan dari segi undang—undang oleh kerana kesalahan itu berlaku di luar daripada negara kita. Walau bagaimanapun, Kerajaan boleh mengawasi orang-orang seperti ini sekiranya mereka kembali ke tanahair dan sekiranya mereka menyebarkan ajaran-ajaran sesat di tanah air maka tindakan yang sewajarnya boleh diambil menurut undang—undang negara.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu sama ada Kerajaan menyedari dari mana sumber kewangan yang -diperolehi oleh pemimpin Alarqam sehingga mereka boleh mengembara keluar negeri?

Keduanya, sekiranya mereka mendapat sebarang bantuan kewangan dari pihak-pihak ; luar negeri, adakah bantuan tersebut telah disalurkan melalui Kementerian ataupun Kedutaan Luar kita di luar negeri? '

Dato' Alias bin. Md. Ali: Tuan Yang, di-Pertua, pihak Kerajaan sendiri ingin mengetahui daripada sumber mana mereka dapat bantuan kewangan dan sekiranya Ahli Yang Berhormat atau sesiapa juga mempunyai maklumat raengenai perkara ini, silalah berhubung dengan pihak-pihak yang tertentu supaya tiadakan dapat diambil.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak Kementerian Luar mempunyai sebarang rancangan bagi membekalkan pelajar-pelajar

kita di luar negeri dengan pengetahuan yang cukup supaya mereka tidak terpengaruh dengan propaganda dan hasutan-hasutan Alarqam. Sekiranya ada, apakah usaha-usaha yang telah dibuat bagi mengelakkan berulangnya trajedi menganiayai bayi yang telah berlaku di New Zealand dan akibat tragedi itu imej negara kita juga turut terjejas?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menjalankan kursus-kursus orientasi kepada pelajar-pelajar kita sebelum mereka berlepas ke luar negeri dan kursus-kursus aeperti ini diteruskan semasa mereka pulang bercuti. Di samping **itu**, seperti yang saya tegaskan tadi, ceramah-ceramah dan kursus-kursus dari para pelawat-pelawat yang datang dari negara kita sentiasa diberi di luar negeri di tempat-tempat mereka belajar. Begitu juga para pemimpin-pemimpin dari negara ini yang melawat ke luar negeri sentiasa mendapat peluang berjumpa, berdailog dan memberi penjelasan-penjelasan kepada para pelajar kita. Di samping itu risalah-risalah mengenai keadaan terbaru di dalam negara juga sentiasa dihantar kepada pelajar-pelajar kita di sana.

PENDATANG TANPA ZIN - STATISTIK

7. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) bilangan pendatang haram yang didapati setakat ini di Semenanjung, di negeri Sarawak dan Sabah;
 - (b) bilangan pendatang haram yang telah dihantar balik ke negara mereka masing-masing;
 - (c) selain daripada menghantar mereka balik ke negara mereka, adakah tindakan/langkah yang lebih berkesan akan diambil untuk mencegah/menghalang mereka masuk ke Wilayah kita seperti memperhebatkan perondaan di kawasan laut kita dan sebagainya; dan
 - (d) apakah tindakan/langkah telah diambil untuk meningkatkan kecekapan polis bagi membanteras jenayah secara lebih berkesan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai statistik tepat mengenai bilangan sebenar pendatang tanpa izin (PTI) yang telah masuk ke negara ini kerana kemasukan mereka ke **sini** adalah secara idak teratur dan tidak melalui pintu masuk yang sah.

Kedua, sejak tahun 1987 hingga April 1989, seramai 122,431 orang pendatang tanpa izin ditangkap di seluruh negara manakala bilangan yang diusir bagi tempoh yang sama adalah seramai 113,519 orang. Selain daripada tindakan mengusir keluar pendatang tanpa izin dari negara **ini**, lain-lain tindakan yang diambil ke atas mereka oleh Kerajaan ialah mendakwa mereka di mahkamah dan tindakan terbaru meminda Undang-undang Imigresen pada bulan Februari 1989 yang lalu yang membolehkan hukuman lebih berat dikenakan iaitu denda tidak melebihi \$10,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun atau kedua-duanya.

Ketiga, mengenai usaha meningkatkan kecekapan polis, Kerajaan telah dan sedang mengambil tindakan:

- (i) menyusun semula struktur organisasi Jabatan Siasatan Jenayah Polis Di-Raja Malaysia;
- (ii) mendedahkan pegawai dan anggota polis dengan tindakan-tindakan pencegahan dan penyiasatan jenayah yang lebih sistematik; dan
- (iii) meminta kerjasama dan bantuan orang ramai dalam aspek pencegahan dan penyiasatan jenayah.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa kebanyakan pendatang-pendatang haram khususnya yang datang dari Indonesia telah dihantar pulang semula. Walaupun Kerajaan berusaha menghantar mereka balik, tetapi ramai lagi pendatang haram dari Indonesia masih datang ke negara kita. Adakah satu di antara sebab-sebab yang menggalakkan mereka ke tanahair kita ini kerana setengah-setengah pendatang haram yang khususnya datang dari Indonesia ini mudah memperolehi kad pengenalan merah dengan mendapatkan status sebagai penduduk tetap yang mana setengah-setengah mereka sedang berniaga sebagai penjaja?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membuat pembetulan. Saya tidak sekali-kali mengatakan bahawa pendatang tanpa **izin** ini khusus dari Indonesia - saya tidak sebut pun.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang-pendatang tanpa **izin** daripada negara-negara jiran yang melimpah-limpah masuk ke negara kita ini adalah kerana negara ini makmur aman dan senang mendapat kerja.

Ditambah pula keengganan daripada orang-orang kita sendiri yang tidak mahu memasuki atau mencebur diri dalam setengah-setengah sektor Kerajaan maka ini memberi peluang yang besar kepada pendatang-pendatang haram

Saya menyangkal bahawa kedatangan mereka, pendatang-pendatang haram ke negara kita adalah disebabkan senang mendapat kad merah ataupun permit masuk kerana tiap-tiap permit masuk akan dikaji dengan teliti, dengan sedalam-dalamnya sebelum ini diberikan kepada seseorang itu. Tentang pendatang haram daripada Indonesia, pihak Kerajaan yang sebenarnya telahpun mengadakan satu skim pemutihan iaitu pekerja-pekerja daripada Indonesia akan mengisi borang melalui Kedutaan mereka, kita akan memberikan satu pas kerja yang sah yang mana tidak lagi memerlukan kad merah seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izinnya, soalan ke-8.

PINJAMAN BIASISWA KERAJAAN PERSEKUTUAN

8. Tuan C. Krishnan [di bawah S.O. 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pinjaman biasiswa yang telah dikeluarkan melalui Kerajaan Persekutuan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini dan:

- (a) berapakah jumlah pinjaman biasiswa yang telah dibayar balik oleh para peminjam dalam tempoh yang tersebut itu; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menentukan bahawa semua pinjaman akan dibayar balik.

15. Tuan Syed Abdul Hamid bin sagaff minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pelajar dan jumlah wang yang telah dikeluarkan di bawah skim pinjaman bagi menampung pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri bagi tahun 1988/1989 dan apakah syarat-syarat yang membolehkan seseorang pelajar itu boleh membuat pinjaman.

Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Syed Abdul Hamid bin Sagaff yang disenaraikan sebagai soalan No. 15 dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini dan soalan-soalan ini mempunyai perkaitan di antara satu dengan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Ahli Yang Berhormat yang saya tafsirkan sebagai pinjaman, kerana pemegang-pemegang biasiswa tidak dikehendaki membayar balik kecuali jika melanggar syarat-syarat yang tertentu. Bagi lima tahun kebelakangan ini, jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Kementerian Pendidikan dan MARA adalah berjumlah \$926.5 juta. Bilangan pelajar iaitu tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan dan MARA yang telah diberikan pinjaman di bawah skim pinjaman bagi melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri bagi tahun 1988/1989 ialah seramai 11,263 orang. Jumlah wang yang telah dikeluarkan bagi maksud ini ialah sebanyak \$279.6 juta.

Syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi membolehkan seseorang itu membuat pinjaman antaranya ialah warganegara Malaysia mempunyai kelayakan akademik yang ditetapkan, diterima masuk ke mana-mana universiti ataupun pusat-pusat pengajian tinggi yang diiktiraf dan

mengikuti kursus-kursus yang diperlukan ataupun ditetapkan.

Jumlah pinjaman yang telah dibayar balik oleh para peminjam dalam tempoh yang tersebut adalah \$40.7 juta. Bagi menentukan bahawa semua pinjaman-pinjaman akan dibayar balik, langkah-langkah sewajarnya diambil bagi memastikan pelajar-pelajar yang diberi pinjaman membayar balik pinjaman yang diberikan, di antaranya ialah pelajar-pelajar yang diberikan pinjaman perlu menandatangani surat-surat perjanjian pinjaman. Mengikuti syarat-syarat perjanjian pinjaman pelajar-pelajar yang enggan membayar balik pinjaman boleh dihadapkan ke mahkamah.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990

9. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Pelancongan menyatakan sejauh manakah persediaan telah dibuat sempena kempen melawat Malaysia 1990.

10. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan bahawa sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 1990 adakah Kementeriaannya mencadangkan kepada pihak Feri Malaysia agar badan ini menambahkan lagi perjalanan atau 'route' di antara Kuantan dengan Sabah bagi membantu usaha Kerajaan untuk menarik dan menggalakkan pelancongan di antara Malaysia Timur dengan Malaysia Barat khususnya bagi Pantai Timur Malaysia Barat.

23. Tuan Haji Jaafar bin Harun minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan di bawah tajuk Rancangan Melawat Malaysia Tahun 1990:

- (a) apakah tujuan rancangan tersebut;
- (b) apakah faedah-faedah yang didapat/hasil yang diperolehi oleh Malaysia berhubung dengan Ekonomi, Politik dan Sosial;
- (c) tidakkah ada kesan negatifnya kepada Malaysia bersabit
- (d) apakah projek-projek yang istimewa dapat disumbangkan dengan politik dan sosial; dan kepada pelancong-pelancong bagi menarik minatnya.

34. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah rancangan umum pada:

- (a) peringkat Wilayah; dan
- (b) peringkat pelbagai negeri;

untuk menggalakkan industri pelancongan dalam negara kita dan terutamanya apakah rancangan tegas yang telah dibentangkan untuk menarik pelancong-pelancong asing untuk melawat ke Malaysia dalam 1990.

45. Tuan V. K. Sellapan minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan adakah cadangan untuk menyerapkan persembahan kebudayaan dan permainan rakyat berbilang kaum di negara ini untuk mempopularkan kekayaan. kebudayaan menjelang tahun melawat Malaysia 1990. Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk membuat persiapan Tahun Melawat 1990.

Setiausaha Parlimen Kementerian kebudayaan dan Pelancongan

[Tuan Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, pada sidang mesyuarat Dewan Negara petang ini terdapat 4 Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan yang hampir-hampir sama dan berkaitan dengan program Tahun Melawat Malaysia 1990 seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yaug Berhormat Senator Tuan Tan Chai Ho. Soalan-soalan tersebut ialah soalan nombor 10 dari Yang Berhormat Tuan Foo Boon Liang, soalan 23 daripada Tuan Haji Jaafar bin Harun, soalan 34 daripada soalan Tuan Chan Choong Tak dan soalan 45, Tuan V. K. Sellapan.

Oleh yang demikian, izinkanlah saya menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut sekali gus pada petang ini.

Tuan Yang di-pertua, tujuan Kerajaan mengadakan program Tahun

Melawat Malaysia 1990 ialah:

- (1) memperkenalkan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan di negara-negara tertentu yang dikenalpasti sebagai kawasan pasaran berpotensi
- (2) menambah bilangan kedatangan pelancong ke Malaysia dengan kadar pertambahan sekurang-kurangnya sebanyak 10% setahun mulai tahun 1990.
- (3) menggalakkan pelancong-pelancong tinggal lebih lama dan berbelanja lebih lagi bagi tiap-tiap hari di negara ini supaya pendapatan tukaran wang asing dari pelancongan dapat ditingkatkan. Ini akan dapat dicapai dengan mengadakan berbagai acara dan aktiviti menarik di sepanjang tahun.
- (4) menggalak, dan mempopularkan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian Malaysia serta meningkatkan tarikan-tarikan pelancongan yang sedia ada di negara ini; dan
- (5) menggalak dan meningkatkan lagi kesedaran rakyat Malaysia terhadap tarikan pelancongan negara ini dan menggalakkan mereka melancong di negara sendiri.

Dengan adanya program Tahun Melawat Malaysia, dianggarkan seramai lebih 4 juta pelancong akan melawat Malaysia pada 1990 yang melibatkan pertukaran wang asing sebanyak \$2,575 juta. Bilangan ini diharapkan akan meningkatkan pada tahun-tahun berikutnya. Ini merupakan matlamat Kementerian bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia 1990

Berhubung dengan faedah-faedah yang akan didapati, dari segi politik, Malaysia dijangka akan menjadi lebih terkenal di arena antarabangsa dengan identitinya yang tersendiri. Dari segi ekonomi

dan sosial pula, dijangkakan bahawa ianya akan menyumbang kepada peningkatan peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor pelancongan. Kebudayaan dan nilai hidup rakyat Malaysia akan lebih dikenali oleh para pelancong. Di samping itu faedah tidak langsung juga didapati, yang mana berupa kesedaran rakyat terhadap pentingnya penjagaan kebersihan persekitaran, kesopanan, pemeliharaan barang-barang artifek dan lain-lain lagi yang mana dapat meningkatkan pelancongan di negara ini.

Sungguhpun kedatangan pelancong boleh membawa kesan yang negatif kepada rakyat sesebuah negara, tetapi Kerajaan mempunyai pendekatan yang berlainan daripada yang dilaksanakan oleh negara-negara jiran yang tertentu. Pendekatan kita dalam menonjolkan tarikan-tarikan pelancong yang menarik di negara ini sebaliknya mungkin akan mempesonakan pelancong-pelancong dan mungkin mereka akan menghayati kebudayaan negara kita pula.

Di samping itu persediaan-persediaan berikut juga telah dan sedang dirancang:

- (a) memperbaiki dan memperlengkapkan kemudahan awam dan kemudahan pengangkutan terutama di tempat-tempat destinasi pelancongan.
- (b) mengadakan kursus-kursus kesopanan kepada pegawai-pegawai hadapan atau front liners dan golongan lain yang mempunyai perhubungan langsung dengan para pelancong.
- (c) mempertingkatkan kesedaran awam tentang program Tahun Melawat Malaysia supaya mereka memberi layanan yang sepatutnya kepada pelancong-pelancong yang ditemui.

Mengenai jumlah peruntukan yang disediakan bagi persiapan Tahun Melawat Malaysia 1990, ianya masih lagi belum diputuskan dengan

tepat, kerana masih lagi di peringkat perundingan dengan Perbendaharaan Malaysia. Walau bagaimanapun setakat ini sebanyak \$2.5 juta telah diperuntukkan bagi tujuan melaksanakan promosi awal atau untuk publisiti tentang Tahun Melawat Malaysia 1990.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan untuk menyerapkan persembahan kebudayaan dan permainan rakyat berbilang kaum dalam acara-acara menjelang Tahun Melawat Malaysia 1990, suka-lah dinyatakan bahawa Kementerian Kebudayaan dan Palancongan senantiasa mengambil langkah-langkah positif dalam usaha mengembalikan, mempopularkan dan mengenengahkan persembahan rakyat dan permainan rakyat hingga ke peringkat antarabangsa. Dalam usaha menjadikan persembahan dan permainan rakyat ini sebagai unsur tarikan pelancong dan penonjolan kebudayaan Malaysia, Kementerian telah melaksanakan di dalam pesta-pesta kesenian seperti Malaysia Fest, Pesta Kesenian Negeri-negeri dan lain-lain. Bagi promosi di peringkat antarabangsa, Kementarian sering menghantar rombongan kesenian rakyat untuk menyertai festival kesenian rakyat atau Expo di negara-negara Barat dan Timur.

Promosi persembahan dan permainan rakyat ini juga dibuat melalui media cetak sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

Usaha mengenengahkan persembahan dan permainan rakyat ini telah berjaya dilaksanakan dengan giat, dengan adanya kerjasama dari beberapa badan swasta dan agensi-agensi Kerajaan lain sejak dahulu lagi, dan usaha ini bukan hanya untuk tujuan Tahun Melawat 1990 Malaysia sahaja, tetapi juga ke arah pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, ingin saya menyatakan bahawa buat masa ini Kementerian belum ada rancangan untuk mencadangkan pihak Feri Malaysia supaya menambahkan, perjalanan di antara Kuantan dan Sabah. Ini memandangkan buat masa ini Feri Malaysia hanya mempunyai satu kapal sahaja dan mencukupi untuk jadual perjalanan sekarang iaitu satu kali seminggu.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan menambahkan dan memperbaiki keadaan-keadaan yang mustahak, apakah tindakan yang telah diambil atau akan diambil untuk membaiki keadaan di lapangan terbang, kerana kebanyakan pelancong-pelancong yang saya jumpa, mereka selalu mengeluarkan perasaan yang baik di atas apa yang mereka lihat dalam negeri ini, tetapi satu pengaduan ialah mereka mengatakan lapanganterbang kita sangat sesak dan mereka dibenarkan terpaksa menunggu masa yang panjang sebelum mereka berlepas melalui Imigresen atau Kastam.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai lapanganterbang, walaupun ianya di bawah bidangkuasa Kementerian yang lain, tetapi Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sentiasa merundingkan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat, dan kita memang sedar bahawa memang berlaku kesesakan dan kemungkinannya pihak Kerajaan akan menggunakan semula Terminal Kedua Lapanganterbang. Mungkin Kerajaan sekarang ini sedang mengambil langkah-langkah untuk membuat satu kajian yang lebih mendalam bagi memastikan bahawa penerbangan antarabangsa dengan penerbangan dalam negeri akan diasingkan. Di samping itu, Kementerian juga seperti saya sebutkan tadi telah melibatkan terutamanya agensi-agensi Kerajaan di barisan hadapan seperti Imigresen, Kastam dan lain-lain dengan kursus-kursus yang lebih sesuai dengan budaya ataupun alabudaya Malaysia.

SAINTIS TEMPATAN - GALAKAN

11. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah ciptaan-ciptaan yang dibuat oleh anak-anak tempatan misalnya lampu isyarat dari kuasa matahari, jenis-jenis kereta diambil perhatian dan diberi galakan kepada "saintis-saintis tempatan" ini untuk terus maju dalam ciptaan mereka.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, ya, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang mengambil perhatian terhadap ciptaan-ciptaan tempatan dan sentiasa berusaha menggalakkan saintis-saintis tempatan memajukan ciptaan-ciptaan mereka, ciptaan-ciptaan yang dibuat oleh rakyat Malaysia itu diberi perhatian dan bantuan oleh Pusat Penerangan dan Dokumentasi Paten atau Paten Information Document Centre (PIDC), dengan izin, di SIRIM, melalui perkhidmatan tarian maklumat teknologi yang menggunakan dokumentasi paten. Kini wujudnya sejumlah 4.8 juta dokumentasi paten di PIDC sebagai bahan rujukan untuk perekacipta-perekacipta. PIDC juga sentiasa mengadakan ceramah pengenalan tarian paten untuk orang awam, industri dan kelab-kelab perekacipta sekolah-sekolah supaya memudahkan mereka

berdikari menggunakan kemudahan yang ada di PIDC.

Semenjak PIDC beroperasi pada tahun 1986, sejumlah 132 permohonan paten diterima dari perekacipta individu tempatan untuk dinilai, berbanding dengan hanya sejumlah 41 paten yang diberi hakmilik dari 1953 hingga 1986.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha-usaha lain yang sedang dilaksanakan untuk membimbing dan menggalakkan pencipta-pencipta ialah:

- (a) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah penaja terhadap penubuhan Persatuan Reka- cipta dan Rekabentuk Malaysia atau Malaysia Invention Design Society (MINDS) di Semenanjung dan Invention and Design Association of Sarawak (IDEAS), dengan lain dan kedua-dua persatuan ini menjalankan aktiviti seperti seminar, ceramah, pertandingan dan lain-lain lagi untuk membolehkan pencipta tempatan memperkenalkan dan memperbaiki lagi prestasi dan mutu ciptaan mereka masing-masing;
- (b) membantu perekacipta tempatan mendapatkan perlindungan hakmilik paten;
- (c) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama MINDS akan mengelolakan satu Pertandingan Reka- cipta Kebangsaan semasa Minggu Sains dan Teknologi Kebangsaan Ketiga pada 14hb- 20hb Ogos, 1989;

- (d) menubuhkan persatuan-persatuan rekacipta di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti rekacipta di kalangan murid-murid sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rekacipta lampu isyarat solar dan beberapa jenis kereta, pihak PIDC belum menerima apa-apa permohonan untuk bantuan atau penilaian. Oleh itu, saya ingin menasihatkan perekacipta-perekacipta berkenaan serta sesiapa sahaja yang telah merekacipta sesuatu untuk berhubung dengan PIDC untuk mendapatkan penilaian mengenai kedudukan rekacipta-rekacipta **itu**.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 54 adalah]

RANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988 DAN 1989)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekaratig." (7hb Julai, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun untuk menyambung semula ucapannya. Dipersilakan.

3.38-ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyambung semula ucapan atau perbahasan saya pada hari Jumaat yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menyebut iaitu seketika dahulu heboh dengan cerita 'grand design'. Sebenarnya kita perlu 'grand design' ini. 'Grand design' yang kita perlu bukanlah 'political grand design', untuk kepentingan sesuatu puak. Apa yang kita perlu ialah 'grand design' untuk kepentingan semua rakyat. Kita perlukan banyak lagi pembangunan di segala bidang. Di sinilah kita perlu seorang atau beberapa orang 'grand designer' untuk merancang peningkatan tahap ekonomi untuk pembangunan pertanian, untuk perpaduan, untuk kestabilan politik, untuk mengatasi masalah pengangguran dan kemiskinan dan untuk pembangunan spiritual selain daripada pembangunan physical, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Thailand senyap-senyap mencapai tahap Newly Industrialised Country (NIC), tak banyak polimik, tetapi apa yang kita nampak adalah pembangunan. Kita tidak dapat tandingi mereka di bidang pertanian sebagai contoh. Inilah 'grand design' yang kita perlu supaya kita semua dapat menikmati hasil daripadanya.

Kita tidak perlu cerita banyak mengenai plan-plan kita, dasar-dasar kita, strategi-strategi kita, taktik-taktik dan teknik-teknik kita untuk sesuatu projek. Apa yang kita hendak tengok ialah hasil maksima daripada pelaburan yang minima dan menggunakan masa yang singkat untuk pencapaian.

Sekiranya orang semua tahu apa yang kita fikir, sedang buat dan akan buat, itu bukan 'grand design' lagi. Jadi saya sarankan sekali lagi kepada pihak Kerajaan supaya kurangkan pengumuman, hanya tingkatan segala pelaksanaan, kemudian umum pelaksanaan tersebut bila siap. Kurangkan perhatian kepada hal-hal makro, lebihkan pelaksanaan dan tingkatan perhatian kepada hal-hal makro.

Dalam hal ini saya sarankan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah 'High Powered Think Tank', dengan izin, untuk merancang segala bidang pembangunan yang masih lagi kita perlu.

Tuan Yang di-Pertua, MAPEN telahpun wujud untuk merancang haluan ekonomi negara. Saya merasai ragu di atas kemampuan MAPEN kerana keahliannya begitu komprehensif hinggakan segolongan ahli-ahli hanya pentingkan perhatian terhadap sentimen dan kepentingan perkauman sahaja. Inilah sebabnya saya cadangkan penubuhan 'High Powered Think Tank' ini sebagai nucleus secara jangka panjang, bukan secara ad hoc seperti MAPEN ini. Kita perlu suatu badan berjalan terus menerus hingga matlamat Kerajaan tercapai di bidang ekonomi, sosial, pendidikan dan bidang-bidang lain, Sebaliknya usaha 'corrective action' haruslah dijalankan secara ad hoc dan sertainmerta. Jangan pula perancangan secara ad hoc dan 'corrective action' secara long-term planning. Inilah yang terjadi sekarang, itulah sebabnya banyak sangat projek-projek tertinggal, tertunggak, terbiar dan terbengkalai. Masa planning pendek sangat, masa melaksana

panjang. Masa untuk memperbaiki kelemahan lebih panjang. Sepatutnya keadaan mestilah sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu yang lepas Timbalan Menteri Kewangan telah menyatakan sebanyak lebih kurang 320 juta setahun terkumpul dari Wang Tak Dituntut pada tiap-tiap tahun. Wang ini saya cadang bolehlah dianggap sebagai 'free money' kepada Kerajaan ataupun zakat. Mengikut pengakuan Timbalan Menteri, wang terkumpul itu tidak digunakan. Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya wang terkumpul ini digunakan khusus untuk projek-projek pembasmian kemiskinan dan pengangguran serta projek-projek untuk menolong secara langsung golongan yang daif, tua dan termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata saranan dan cadangan-cadangan tadi, sekali lagi saya menyokong di atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol.

3.43 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989).

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menyentuh dalam satu dua perkara khususnya dalam Maksud B.7 yang ada kaitannya dengan pendatang haram Vietnam. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pendatang haram Vietnam merupakan satu masalah besar yang dihadapi oleh negara kita sekarang **ini**. Negara kita terpaksa menanggung beban bukan untuk kepentingan rakyat negara kita sendiri, tetapi untuk kesenangan dan kepentingan rakyat negara asing.

Sejak lebih satu dekad hampir suku juta pelarian Vietnam telah mendarat ke negara kita. Sungguhpun 228,000 telah diterima oleh negara ketiga, namun masih terdapat kira-kira 22,000 lagi masih ada di negara ini. Angka ini merupakan satu angka yang besar dan bayangkanlah berapa banyak wang Kerajaan yang telah dibelanjakan dalam memikul beban ini. Namun demikian, kita boleh merasa bangga atas sikap Kerajaan kita yang selalu mengamalkan sikap tolak ansur dan atas dasar peri kemanusiaan. Kita sanggup memikul beban ini walaupun kita tahu kita mempunyai banyak masalah-masalah sendiri yang perlu diselesaikan segera. Kita sering menerima pujian daripada negara-negara lain, kerana sanggup menerima sementara pendatang haram Vietnam ini. Saya ingin bertanya, apakah hasil pujian ini. setimpal dengan perbelanjaan yang begitu besar yang terpaksa kita tanggung selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan satu dekad adalah satu jangka masa yang begitu panjang bagi negara kita untuk membantu menyelesaikan masalah orang lain ini. Saya rasa sudah sampai masanya untuk kita berhenti dari terus membebankan diri kita dengan masalah pendatang haram Vietnam ini, sudah cukup pengorbanan kita selama ini atas dasar peri kemanusiaan.

Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Timbalan Menteri Luar dalam jawapan mulut pada minggu lepas, masih terdapat 22,108 orang pendatang, haram di negara-ini termasuk jumlah yang baru datang selepas 'cut off date', dengan izin, seramai 8,374 orang. Kita sedar dengan keputusan persidangan antarabangsa mengenai orang-suarat menerima suatu 'Comprehensive Plan of Action', dengan izint orang pelarian Indochina di Geneva baru-baru ini, dengan sebula yang mengandungi peruntukan bagi diadakan screening mechanism untuk menentukan sama ada mereka ini bona fide refugees ataupun non-refugees. Kita tahu bahawa bona fide refugees, apa yang diputuskan oleh persidangan itu ialah mereka ini, akan dihantar ke negara ketiga dan 'the non-refugees' ini akan dikembalikan kepada negara asal mereka.

Yang Berhormat Timbalan Menteri juga telah menyatakan bahawa Jawatankuasa Penyelaras yang dibentuk dalam persidangan tersebut akan membuat penilaian hanya pada bulan Oktober **ini**. Mengenai kekesanan langkah-langkah yang telah diputuskan dan mungkin mencadangkan langkah-langkah **lain** yang difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan daripada 'cut off date' **iaitu** bulan Mac 1989 hingga ke hari ini seramai 8,374 orang pendatang haram Vietnam telah mendarat ke negara ini. Jika sampai bulan Oktober, mungkin 10,000 lagi akan sampai atau mungkin lebih ramai daripada itu dan tentunya perbelanjaan kita akan bertambah dalam kita menanggung beban **ini**. Oleh yang demikian, saya iugin menyarankan supaya Kerajaan mengambil sikap yang lebih tegas, tindakan mengusir mereka yang datang harus dijalankan segera. Mereka yang sudah berada di negara ini kalau kita fikirkan sebagai bona fide refugees hendaklah dihantar dengan segera ke negara yang ketiga, dan kalau kita fikirkan bukan 'non-refugees', kita hantarkan sahaja pulang ke negara asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jika tindakan tegas dan berani kita ambil, saya percaya negara kita tidak akan menerima kecaman daripada mana-mana pihak dan langkah kita ini merupakan satu langkah yang paling wajar sekali kerana pertamanya negara kita sudah lebih satu dekad memikul tanggungjawab ini dan kita juga harus ingat bahawa negara-negara lain yang telah lama menjalankan tindakan mengusir pendatang-pendatang haram ini dari mendarat ke negara mereka.

Kita juga harus sedar bahawa pada masa kini negara kita sedang menghadapi banyak masalah-masalah sendiri. Kita harus ingat peribahasa Inggeris yang berbunyi, dengan izin, "Charity begins at home". Kita harus selesaikan masalah-masalah kita dahulu. Sudah sewajarnya perbelanjaan yang begitu besar untuk menampung pendatang haram Vietnam ini disalurkan dalam menyelesaikan masalah-masalah kita sendiri. Kita juga mempunyai prioritas kita sendiri, umpamanya dalam masalah membasmi kemiskinan. Kita tahu masih terdapat ramai rakyat negara ini yang tergolong dalam apa yang kita panggil kemiskinan mutlak yang mendapat pendapatan kurang daripada 3175 sebulan.

Mereka; ini sudah tentu memerlukan pembelaan yang segera. Masalah pengangguran di kalangan belia dan siswazah juga merupakan satu masalah besar yang perlu untuk diselesaikan dengan segera, begitu juga masalah dadah yang tentunya memerlukan perbelanjaan untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, saya suka menyarankan kepada pihak Kerajaan supaya sentiasa waspada tentang kemungkinan pendatang haram Vietnam ini boleh mengancam keselamatan negara. Walaupun hingga ke setakat ini tidak ada berita atau tanda-tanda mengenai berlakunya perkara ini, tetapi kemungkinan itu ada mereka ini mungkin sengaja didatangi dengan tujuan-tujuan tertentu yang boleh mengancam, yang boleh mendatangkan bahaya kepada negara kita. Oleh yang demikian, peruntukan tambahan \$17,800,000 yang dikehendaki oleh Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam untuk meneruskan pelaksanaan "operasi mengosongkan. Pulau Bidong dan operasi mencegah dan mengusir pendatang haram Vietnam ini wajar disokong dan tindakan tegas ini hendaklah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan segera.

Tuan Yang di-pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang program Anugerah Pejabat Terbaik yang dijalankan oleh Perkhidmatan Kerajaan pada masa **ini**. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan, setinggi-tinggi tahniah dan pujian kepada perkhidmatan Kerajaan. Kita dengan jelas telah dapat melihat perubahan yang begitu ketara tentang keadaan pejabat-pejabat Kerajaan jika dibanding antara dahulu dan sekarang, di mana-mana sahaja baik di bandar mahupun di pekan-pekan pendalaman,

pejabat-pejabat Kerajaan telah berubah wajah dan rupa dari satu keadaan yang malap pada masa dahulu telah bertukar menjadi cantik, indah dan bersih pada hari **ini**. Di luar pejabat, umpamanya, dihiasi dengan taman-taman bunga, malah terdapat juga kawasan pejabat dipindahkan dengan "rock garden" ataupun dengan air pancut. Kadangkala amat sukar bagi kita untuk membedakan sama ada ianya pejabat ataupun taman bunga, Di dalam pejabat semuanya disusun dengan begitu tertatur dan baik sekali. Semuanya ini dilakukan selama dengan dasar Bersih, Cekap dan Amanah yang disarankan oleh pucuk pimpinan negara kita. Keadaan dan suasana yang cantik, aman dan bersih ini tentuaya menjadi daya pendorong dan memberi galakan serta ransangan kepada kakitangan Kerajaan untuk bekerja dengan lebih tekun, dedikasi, amanah, gigih serta jujur dan orangramai sudah tentu akan menerima manfaatnya. Saya percaya orangramai yang datang ke pejabat Kerajaan, kebanyakannya mempunyai masalah dan saya yakin setelah melihat keadaan dan suasana pejabat yang indah dan cantik **ini**, sebahagian daripada masalah mereka akan selesai dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap soal pejabat terbaik **ini**, ianya tentu mempunyai hubung-kait dengan sikap kakitangan Kerajaan itu sendiri, Seperti juga keadaan pejabat, sikap kakitangan Kerajaan sekarang juga harus diberikan pujian. Jika dahulu ada kakitangan Kerajaan yang mempunyai sikap negatif yang begitu kasar, tetapi sekarang hampir keseluruhan kakitangan Kerajaan bersikap baik, bekerja dengan tekun, gigih, dedikasi, jujur, sopan-santun dan berbudi bahasa. Saya suka memberi penekanan tentang sikap sopan antun dan berbudi bahasa ini, kerana ia secara spontan dapat

diukur oleh orang ramai dan tentunya kita tahu bahawa sifat sopan-santun dan berbudi bahasa ini adalah antara sifat-sifat yang terpenting yang dituntut bukan sahaja oleh masyarakat bahkan oleh agama kita. Ianya akan menentukan keperibadian bangsa dan negara kita yang tinggi dan mulia. Saya suka mengesyorkan supaya sikap ataupun sifat sopan-santun dan berbudi bahasa ini di jadikan satu budaya kerja yang perlu diamalkan oleh setiap kakitangan Kerajaan daripada peringkat bawah sehinggalah ke peringkat yang ke atas sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah yang dapat saya sampaikan dan dengan ini saya menyokong atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989), terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

3.56 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengucapkan sokongan kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) yang bertujuan untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk Perkhidmatan Awam Persakutuan dalam tahun 1988 dan 1989 seperti yang dinyatakan di dalam Jadual-jadual Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang Maksud B.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kerajaan telah mengesahkan dasar perumahannya ialah memastikan semua golongan rakyat, terutamanya yang berpendapatan rendah mempunyai peluang untuk menikmati sepenuhnya kemudahan perumahan dan keperluan-keperluan yang berkaitan.

Tuan, Yang di-Pertua, dari perangkaan yang terdapat di Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, kita dapati bahawa pencapaian pelaksanaan program perumahan kos rendah dalam tempoh tahun 1988 - 1989 adalah kurang memuaskan kerana hanya siap dibina sejumlah 269,630 unit rumah berbagai kategori atau 33.4 daripada matlamat keseluruhan. Daripada jumlah ini hanya 13,001 unit rumah awam kos rendah atau 39.3% daripada jumlah yang dijangka di bina telah siap dibina oleh sektor awam, manakala sektor swasta telah siap bina di bawah program perumahan pemaju swasta 68,000 lebih unit rumah kos rendah, yakni 52.5% daripada jumlah yang dijangka dibina. Bagi Program Khas Perumahan Kos Rendah pencapaiannya masih jauh ketinggalan berbanding dengan matlamat yang dirancang bagi tempoh, ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Laporan Kajian Separuh Penggal ini didapati bahawa Kerajaan telah mengesahkan punca-punca kelemahan pertumbuhan industri perumahan saya berharap Kerajaan Persekutuan akan berusaha sekuatnya dan bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membina lebih banyak rumah awam kos rendah dengan memberi peruntukan pembangunan sebanyak \$268,000,000 dan dalam projek-projek perumahan awam kos rendah di dalam lingkungan harga \$15,000 seunit di negeri Sarawak akan terus dilaksanakan bagi memenuhi keperluan perumahan. Untuk menggalakkan penyertaan yang lebih dari sektor swasta dalam pembinaan rumah kos rendah, usaha-usaha harus dibuat dengan pendapatan penggunaan pelan bangunan yang setara, kawalan harga bahan binaan terpilih dan mengurangkan kerenah pentadbiran bagi proses kelulusan pelan.

Selain itu, yang lebih penting ialah persediaan kemudahan pembiayaan sambungan dan pinjaman perumahan pada kadar faedah yang sederhana dan juga tanah dengan kos yang rendah dan di lokasi yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan usaha-usaha Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta penyertaan yang lebih aktif dari pihak pemaju swasta, moga-moga objektif Dasar Perumahan Kerajaan: akan tercapai secepat dan banyak yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak juga menyentuh sedikit sebanyak perkara-perkara yang berkaitan dengan 8.39 Jabatan Pendaftaran Negara, iaitu perkara permohonan kewarganegaraan. Pemah saya menimbulkan perkara ini di mesyuarat Dewan yang mulia ini pada bulan Mac yang lalu. Dewan yang mulia iai diberitahu bahawa banyak lagi orang bukan warganegara yang telah bermastautin di Persekutuan berpuluh-puluh tahun walaupun mereka telah membuat permohonan kini belum mendapat kewarganegaraan disebabkan kejahilan mereka terhadap undang-undang dan prosedur permohonan atau kesilapan teknik. Umpamanya banyak penduduk yang muda di daerah Limbang dan Lawas masih bukan warganegara walaupun mereka telah bermastautin di sana sejak lahir. Setengah-setengah dari mereka pun sudah berkeluarga dan ibubapa mereka pun warganegara Malaysia. Nampaknya satu-satunya alasan untuk menolak permohonan mereka ialah mereka ini dilahirkan di Brunei. Kebanyakan mereka dilahir sebelum Hari Kemerdekaan dan setengah-setengah dari mereka ini sesudah Hari Kemerdekaan. Keadaan ini terjadi kerana pada waktu itu daerah-daerah tersebut belum mempunyai perkhidmatan perubatan yang mencukupi dan memuaskan. Oleh kerana kesilapan atau kejahilan

mereka, mereka tidak melaporkan hal kelahiran anak-anak kepada pihak berkuasa.

Maka inginlah saya mengusulkan sekali lagi supaya mereka itu diberi pengakuan kemasukan jikalau mereka dapat mengemukakan bukti-bukti bahawa mereka telah lama bermastautin di Persekutuan dan ibubapa mereka adalah warganegara Malaysia, baik dengan perjalanan undang-undang atau dengan cara kemasukan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi hendak saya menimbulkan ialah usul telah saya cadangkan di mesyuarat pertama pada bulan Mac, 1989 ketika membahas Titah DiRaja, Saya cadangkan bahawa Kerajaan boleh mengkaji semula Akta 237, yakni Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 terutama peruntukan mengenai saraan bagi Ahli Dewan Rakyat dan Anggota Pentadbiran supaya suatu tangga saraan baru yang akan selaras dengan taraf kehidupan semasa dapat dicadangkan untuk pengesahan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab saya membuat cadangan ini telah saya, utarakan dahulu dan tidak perlu saya mengulangi lagi memandangkan keadaan ekonomi negara mula kembali kepada ciri-ciri pertumbuhan di tahun-tahun 70an dan kedudukan kewangan sektor awam terus lega, Kerajaan sekarang tentu mampu menaikkan elaun-elaun dan gaji-gaji bagi Ahli Dewan Rakyat dan Anggota Pentadbiran semoga Kerajaan akan sudi memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada cadangan saya tersebut dan membentangkan satu tangga saraan baru untuk pengesahan Parlimen pada mesyuarat yang akan datang,

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya. Sekali lagi saya ucapkan sokongan kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Sivalingam.

4.06 ptg.

Tuan K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989). Kali ini ucapan saya akan berkisar mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk Shah Alam khususnya dan saya harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dapat menjawab segala kemusykilan yang timbul di hati saya.

Sepertimana Ahli-ahli Dewan sedia maklum, Bandar Shah Alam telah pesat membangun dalam masa 20 tahun kebelakangan ini dan ia juga merupakan Ibu Kota kepada Negeri Selangor Darul Ehsan. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri **masih** mendukacitakan saya ialah masih wujud beberapa masalah asas yang belum lagi diselesaikan oleh badan PKNS di Bandar Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua, antaranya baru-baru ini pihak PKNS telah menyediakan suatu tanah lapang bagi pembinaan kuil bagi penganut-penganut agama Hindu di satu tempat yang tidak sesuai, iaitu dekat dengan kolam pembuangan najis di Seksyen 24 dan di Taman Seaport yang mana kedua-dua bidang tanah yang diperuntukkan itu dimiliki oleh badan PKNS, Apabila saya sebagai Ahli Majlis Perbandaran Shah Alam menghubungi mereka, pihak PKNS menjawab bahawa tempat itu telah dikhaskan sebagai kawasan kompleks ibadat. Saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menyelesaikan masalah ini dengan menghubungi pihak Kerajaan Negeri Selangor atau badan PKNS. Saya juga berharap di sini bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat dan memastikan siapakah yang membuat dasar-dasar pembinaan semasa

sesuatu projek perumahan dibuat di Shah Alam supaya mereka tidak membuat sesuatu keputusan yang boleh menyinggung perasaan sesuatu kaum.

Satu lagi masalah yang amat mustahak ialah hingga saat ini penduduk-penduduk Shah Alam tidak mempunyai satu tempat yang khusus bagi pengkebumian. Mereka terpaksa pergi ke kawasan Batu Tiga ataupun ke Kalang. Di Kelang nampaknya tidak boleh dibuat pengkebumian lagi, tempatnya sudah sesak, manakala di Batu Tiga pula jauh dari Shah Alam. Jika berlaku apa-apa kematian di Shah Alam, kita tidak boleh menangguhkan pengkebumian. Jadi saya harap di sini pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhubung dan berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri ataupun badan PKNS dan menyelesaikan masalah-masalah yang asas dan sangat penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi yang dibentangkan ialah berhubung dengan masalah perumahan serta bekalan elektrik yang masih tidak dapat dinikmati oleh setengah rakyat jelata di negara ini. Walaupun negara ini telah mencapai kemerdekaan lebih dari 30 tahun, khususnya di ladang-ladang di mana pihak pengurus estet yang mengaut keuntungan lumayan akibat titik peluh pekerja-pekerja di mana mereka tidak disediakan sebarang tempat tinggal bagi pekerja-pekerja apabila rumah estet-estet itu dirobohkan bagi projek-projek lain.

Kita harus sedar bahawa mereka adalah pengundi setia kepada Kerajaan. Jika Kerajaan mengabaikan pengundi-pengundi ladang, di manakah mereka dapat mengadu penderitaan mereka. Saya harap pihak Kementerian Perumahan menyiasat serta nengadapkan pihak pengurus ladang yang mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap para penghuni estet-estet yang terlibat.

Berbalik kepada masalah bekalan elektrik di mana Ladang Northmark di Kelang hingga kini tidak dapat bekalan elektrik tetapi kawasan quarters JKR yang terlatak dalam estet itu menikmati kemudahan bekalan elektrik. Keadaan seperti ini tidak seharusnya berlaku di negara kita. Kita tidak tinggal di zaman kolonial. Kita sudah mencapai kemerdekaan dan harus menikmati kemudahan-kemudahan asas.

Akhir sekali saya meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya memastikan beliau sesuatu projek perumahan oleh pihak swasta berjaya ditamatkan dengan sempurna, kemudahan-kemudahan asas serta tempat-tempat ibadat dan rekreasi harus, disediakan di tempat-tempat yang sesuai. Pemaju-pemaju perumahan yang tidak amanah harus dihadapkan ke mahkamah khasnya bagi membicarakan masalah-masalah penipuan perumahan yang kini meningkat. Juga, pemaju-pemaju yang bankrup harus dipapansenaraikan kepada orang ramai.

Sebelum mengundur diri saya berharap Kementerian Perumahan dan Kementerian Tenaga, Pos dan Talekom akan menyiasat tentang

laporan—laporan yang saya berikan dalam Dewan yang mulia ini dan saya menyokong Rang Undang—undang **ini**. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Mustafa bin. Awang.

4.12ptg.

Tuan Mustafa bin. Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama-sama mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang suatu Akta menggunakan wang daripada Kumpulanwang disatukan bagi perbelanjaan tambahan bagi tahun 1988 dan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sepintas lalu bahawa peruntukan yang dipohon ini yang telah dibelanjakan ini juga adalah hubungkait secara langsung dengan perancangan Malaysia Kalima yang baru-baru ini diluluskan Aktanya. Saya suka menarik perhatian Dewan ini iaitu mengenai dengan suatu Kementerian yang selama ini pernah kita minta, kita sebut, kita rayu supaya bertindak tetapi sehingga hari ini kita nampak Kementerian yang berkenaan lebih banyak bercakap daripada berbuat.

Saya tidak berniat untuk condemn atau hendak memperkecilkan Kementerian ini tetapi apa yang berlaku adalah nyata sehinggakan ada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini telah ditinggalkan begitu sahaja mengenai dengan perancangan yang dibuat oleh Kementerian ini. Dan saya rasa saya telah pun sebut pada tahun yang lepas bahawa Kementerian Pertanian ini lebih banyak cakap daripada berbuat, Salah satu daripada contohnya, janji Menterinya sendiri hendak adakan satu revolusi makanan iaitu menanam jagung secara besar-besaran di seluruh negara, sehingga hari ini kita dapati hanya sedikit sahaja rancangan dan pelaksanaan dibuat bagi mengatasi

import jagung dari luar negeri lebih daripada \$300 juta pada tiap-tiap tahun. Bagaimanapun saya berharap Kementerian yang berkenaan akan mengambil perhatian dan tindakan segera untuk mengatasi masalah ini dan jangan dibiarkan berlama-lamaan sehingga rakyat tidak akan percaya lagi kepada tindakan Kementerian yang berkenaan. Sehubungan dengan itu juga mengenai dengan Kementerian ini juga, iaitu Kementerian Pertanian yang dulunya mengenai dengan perparitan diserahkan di bawah Kementerian Kewangan dan akhir-akhir ini ialah diserahkan pula kepada Kementerian Pertanian.

Saya masih ingat di Dewan yang mulia ini Timbalan Menteri ketika itu, Dato' Alex Lee akan mengambil perhatian memberi segala kemudahan serta melaksanakan mengenai hakisan laut dan sungai tetapi saya lihat di dalam penyata yang dibuat ini mengenai permohonan peruntukan tambahan ini hanya sebahagian kecil sahaja dan ditumpukan kepada dalam bandar terutama Kuala Lumpur, Alor Setar dan lain-lain. Tetapi mengapa tidak dibua suatu peruntukan yang khusus mengenai hakisan ini berlaku di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini terutama sekali pantai timur dan pantai barat. Bagaimanapun saya berharap supaya Kementerian yang berkenaan berhenti dari bercakap banyak dan melaksanakan tugas ini kerana kita negara Malaysia akan menghadapi suatu kerja yang sangat besar kemungkinan akan berlaku pada tahun 1990 atau tahun 1991, mana rakyat yang faham maka ianya akan bertindak dan kemungkinan Kerajaan ini akan terjejas bilamana tiba masanya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kementerian yang berkenaan saya suka sentuh mengenai Kementerian. Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam penyata ini saya nampak ada telah disediakan peruntukan sebanyak \$17 juta daripada 1986-1990 dan diminta pula tambahan kira-kira \$970,000 kepada perkampungan-perkampungan baru di seluruh negara. Tetapi dukacita dengan nasib kampung-kampung tradisional yang kebanyakannya didiami oleh penduduk bumiputera yang kebanyakan rata-rata miskin. Saya harap Kementerian yang berkenaan jangan lupa kepada kampung-kampung baru yang berselerak di seluruh negara terutama sekali di kawasan-kawasan pendalaman yang masih banyak kita dapati rakyatnya masih memerlukan segala kemudahan asas seperti api, air dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian yang ketiga iaitu Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan ini apabila ditanya di dalam Dewan ini sentiasa memberi suatu jawapan yang sangat pantas, kami bagi pihak Kementarian sedang berusaha mengatur dan akan melaksanakan, menyedia dan mengadakan hospital-hospital daerah, membaiki hospital-hospital yang telah buruk, mengadakan klinik-klinik desa, menyediakan bidan-bidan tetapi hari ini kita dapati sebagai contoh Hospital Kuala Berang telah dirangka dan dirancang begitu lama. Beberapa orang Menteri telah berjanji di Dewan yang mulia ini akan dilaksanakan secepat-cepat atau selewat-lewatnya tahun 1989. Tetapi hari ini tapak untuk didirikan hospital itu masih berhutan rimba. Jadi, apakah ini suatu janji yang hanya untuk menyedapkan perasaan Ahli-ahli Dewan sahaja dengan tidak memikirkan bahawa implikasi daripada perjanjian ini akan diterima akibatnya oleh negeri yang terlibat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama tahu bahawa negara Malaysia diperintah oleh parti politik. Jadi, apabila tiba musimnya nanti segala orang, semua orang daripada Perdana Menteri sehinggalah ke bawah-bawahnya akan menenmi rakyat pada tiap-tiap lima tahun sekali. Apakah sanggup kita menerima maki hamun daripada rakyat jelata dan sekali gus tidak mahu menyokong Kerajaan seperti yang ada pada hari ini. Saya berharap Kementerian yang berkenaan. berusaha bersungguh-sungguh supaya hospital ini akan dapat didirikan demi kepentingan rakyat dan kesihatan rakyat seluruhnya.

Sekalipun saya menyebut Kuala Brang ini di negeri Terengganu, tidaklah bermakna saya fanatik kepada negeri Terengganu sahaja. Mungkin ada di negeri lain seperti negeri Pahang, Johor, Perak, Kedah dan lain-lain yang memerlukan kepada hospital-hospital daerah untuk kepentingan rakyat jelata seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada usaha-usaha Kerajaan daripada mula Rancangan Malaysia Pertama sehingga yang Kelima dan Separuh Penggalnya telah diterima dengan dada yang terbuka, maka saya berterima kasih atas usaha-usaha Kerajaan ini dan telah dapat dilaksanakan serba-sedikit kemudahan asas di seluruh negara. Tetapi walau bagaimanapun, masih banyak lagi perkara-perkara yang menjadi congkak projek seperti yang disebut oleh saudara saya tadi, projek yang tertonggak seperti Rancangan Perairan Endau-Rompin yang hari ini masih terbengkalai. Wang telah dibelanjakan puluhan juta ringgit.

Saya suka mengulangi iaitu apabila tiap-tiap kali pertukaran Menteri dan para pegawai, maka setiap kali itulah tanah-tanah di Endau-Rompin ini akan bertukar. Yang dahulunya layak ditanam padi, hari ini tidak layak, yang dahulu layak tanam kelapa sawit, hari ini tidak layak, mengapa terjadi sedemikian? Apakah ini tidak ada satu perancangan yang tetap? Tetapi saya tidak tahu kemungkinan tanah negeri Pahang dan Johor ini dia berubah pada tiap-tiap bulan, minggu ini untuk kelapa sawit, minggu ini untuk getah, minggu sekali lagi untuk padi, saya tidak dapat pasti kerana saya bukan pakar tanah. Cuma saya berharap keadaan seperti ini tidak akan berlaku kerana merugikan negara, merugikan rakyat dan mendatangkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat, lantas sekali gus tidak puas hati kepada

Kerajaan yang ada dan kepada parti pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang, cuma saya ingin menyebut, mengingatkan sahaja iaitu mengenai dengan Jabatan Perdana Menteri kerana Jabatan Perdana Menteri apabila kita sebut, kadang-kadang kita rasa gerun kerana Jabatan Perdana Menteri.

Tetapi ianya mempunyai satu tanggungjawab yang sangat berat. Saya menyokong apa yang disarankan oleh sentiasa saya daripada Melaka mengenai dengan pelarian, kerana janji sudah dibuat, perundingan sudah dijalankan, tempoh-tanpoh sekian bahawa pelarian tidak mahu diterima. Tetapi hari ini boleh dikatakan selang seminggu, pelarian Vietnam ini datang ke Terenganu, ke tempat singgahsananya di Pulau Bidong tidak habis-habis. Kita berharap, terutama Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Perdana Menteri mengambil satu tindakan supaya keadaan Pulau Bidong diserahkan balik kepada tuannya, asalanya kerana kita mahu jadikan Pulau bidong ini sekurang-kurangnya tempat pelancong di negara ini.

Tuan Yang Dipertua saya fikir segala perancangan yang diatur oleh Kerajaan iaitu Kerajaan Barisan Nasional adalah sangat baik, tetapi yang kurang baiknya ialah apabila ada di antara para pegawai Kanan Kerajaan, saya minta maaf kepada yang tidak bersalah, tetapi saya mahu katakan bahawa kepada mereka yang melakukan kesalahan. Kadang-kadang pegawai itu sendiri ingin mengambil bahagian kerana melihat wang yang begitu banyak.

Saya terpaksa cakap terus-terang dalam Dewan ini, mungkin ini kali yang akhir. Apabila wang begitu banyak, projek hendak di-tender imannya tidak tetap. Lantas menggunakan orang lain supaya memainkan peranan. Maksud saya ialah kontraktor yang berkenaan supaya kontraktor ini mendapat tender melaksanakan projek itu

mendapat keuntungan yang banyak, maka pegawai yang terlibat itu tadi akan sama-sama kembang perutnya. Kalau ini sudah berlaku dalam negeri amatlah negara ini akan menemui satu jalan buntu, akan timbullah masanya tidak akan diberi satu undi kepercayaan kepada negara, apa lagi kepada pemimpin. Maknanya rakyat seluruh negara ini akan tidak percaya lagi kepada Kerajaan yang ada pada hari ini kerana perlakuan yang dibuat oleh kakitangan kanannya kepada projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan itu.

Saya boleh menyebut, harta nama orangnya sekalipun siapa yang menjadi bapa rasuah. Pada saya, orang itu bukan rasuah lagi, bapa harimau, tangkap terus telan, sehingga menjadi purak-puranda di kalangan kontraktor-kontraktor bumiputera, yang sepatutnya bayar pada minggu ini, dibayar tiga bulan kemudian. Dia tahan duit itu dan kontraktor itu terpaksa meminjam duit dari mana-mana bank ataupun institusi kewangan dan bunganya telah menjadi buah dan buahnya pula akan tumbuh berbunga, berbuah lagi sekali. Kalau hasil keuntungan dari kontraktor yang dapat daripada Kerajaan \$1 juta, tetapi pinjaman dengan bank termasuk interest \$1.5 juta. Jadi, kalau keadaan ini sudah berlaku, apakah wajar yang kita berjanji untuk memberi peluang kekayaan kepada semua kaum, sama ada Melayu, Cina ataupun India? Saya berharap Badan Pencegah Rasuah menyiasat tanpa memilih kasih. Kalau tidak-kalau tidak-pada Dewan ini saya cabar Badan Pencegah Rasuah ini tidak perlu ada. Kalau tidak mahu bertindak, hatta mereka Menteri Besar sekali pun, dan siapa sahaja. Saya takut apabila dada rakyat sudah tidak tahan lagi dengan keadaan-keadaan yang telah berlaku dan sedang berlaku, mungkin akan berlaku, ianya akan berlaku seperti berlaku di negeri Cina. Dan, insya Allah, kita harap tidak akan berlaku di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua.....

DN.10.7.89

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, boleh saya minta maaf sebentar, saya hendak membuat satu pengumuman sebelum Ahli Yang Berhormat menyambuag.

Tuan Mustapha bin Awang: Sila

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(3), sekarang saya jemput Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim untuk mempengerusikan mesyuarat bagi mengganti saya pada petang ini.

[Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Teruskan.

Tuan Mustafa bin Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan apa yang saya sebutkan tadi, saya berharap pihak Kerajaan khususnya BPR akan membuat satu revolusi penyelidikan tanpa bercakap dan kalau ada Menteri yang bertanggungjawab mengenai dengan jabatan ini pun jangan buat sebarang kenyataan sama ada melalui akhbar ataupun masa media yang lain dan hendaklah bersungguh-sungguh supaya ianya akan bersih, tidak berlaku di Malaysia ini. Dengan sebab itu banyak fitnah dan tuduhan kepada Kerajaan seperti juga pada awal-awal tadi, ada dalam Soalan Jawab Mulut. Apakah sebabnya pendatang atau pendatang tanpa izin suka sangat datang ke Malaysia? Apakah untuk mudahnya dapat kad pengenalan merah? Itu kemungkinan ada.

Saya berani katakan di Dewan ini, kad pengenalan merah ini kemungkinan ada, ada orang yang tinggal sebulan di sini dia dapat kad pengenalan merah tetapi ada orang yang pernah tinggal beranak cucu masih tidak dapat kad pengenalan merah. Siapa salah dalam hal ini? Sekali pun yang datang itu kulitnya sama dengan kita, kadang-kadang agamanya pun sama, apakah kita rela membiarkan rakyat negara ini makan bubur, orang lain datang makan nasi.

Kita sedar, kita pernah memberi suatu jawapan ataupun alasan kerana rakyat dan pemuda kita kononya malas untuk bekerja di ladang-ladang maka deagan sebab itu orang lain datang. Kita apa peduli sama ada rakyat kita malas atau rajin tetapi orang lain tidak perlu datang. Ini bukan negara orang lain tetapi negara kita.

Setiap kali jawapan pernah dibuat, alasannya kerana orang kita tidak mahu mengambil bahagian, potong kelapa sawit dan sebagainya,

kita terpaksa mengambil orang lain. Mengapakah kita harus begitu? Mengapa kita tidak mencari jalan supaya pemuda-pemuda dan rakyat kita menjadi rajin?

Saya masih ingat, walaupun waktu itu saya dalam umur yang masih muda di zaman Jepun masuk ke Malaysia. Ada orang yang tak tahu memanjat kelapa, tetapi oleh kerana benet ataupun pedang dibuntut, orang yang tak tahu panjat kelapa dengan secara automatik, dengan izin, serta merta orang itu tahu panjat kelapa. Mengapakah ini berlaku? Tetapi saya tidak mengesyor atau mencadangkan supaya rakyat kita dibuat begitu oleh Kerajaan kita. Harus kita pandang dalam bentuk yang lain.

Kalau gaji pekerja ladang pada hari ini \$7.00 sehari, patutlah dibincang, dikira dan ditambah sehingga mereka ini boleh pakai sebuah Honda, sebuah peti TV warna, ada kerusi tamu, ada dapur gas, biliknya agak luas senang bernafas. Itu harus dikirakan. Selepas itu kita salahkan. Kononnya ini kerana ladang swasta, kerana ia mahu mencari untung. Apakah tidak ada ladang Kerajaan di negara ini yang dilaksanakan oleh badan-badan Kerajaan seperti SEDC dan lain-lain yang gajinya kadang-kadang lebih murah daripada gaji swasta. Selepas itu kita persalahkan rakyat kita tak mahu bekerja sedangkan tiap-tiap kerja mahu upah yang sesuai dengan tenaga yang digunakan tetapi kerja kuat, upahnya sedikit tentulah siapa pun tidak mahu. Kalau tak percaya hal ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini, kita turunkan gaji Ahli Senate ini kepada \$250 sahaja sekarang ini. Berapa orang yang hendak menjadi Ahli Senate, Saya minta maaf, ini bukan menghina tetapi sebagai contoh.

Kita kena kira dengan betul. Ada benda kita buat kadang-kadang membazir, tetapi ada yang tak cukup duit, kita minta duit, banyak alasan, kerana tulis papan tanda sahaja di luar negeri, ambil lebih daripada 6 hingga 9 juta ringgit.

Tetapi kalau saya sebut ada Majlis Tempatan, Majlis Perbandaran dalam Malaysia ini yang jalannya dan longkangnya dari zaman tahun 1920. Dan saya tidak fikir ahli-ahli Majlis itu dan Yang di-Pertuanya tidak pernah menulis surat dan merayu kepada Kerajaan minta duit, hendak baiki longkang ini. Saya yakin mereka sudah minta, tetapi tidak dapat, duitnya dilambatkan dan liat. Jadi, cara penggunaannya harus berbetulan dengan perancangan yang dibuat. Saya tidak mahu menuduh bahawa pihak Kerajaan bodoh kerana Kerajaan ini datang dari rakyat. Apabila tiba tempoh 5 tahun, dia kena berhenti, tetapi ada pihak yang "act", Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia EXCO atau Menteri, jawatannya tak putus. Kalau Ahli Dewan biasa atau Ahli Dewan Rakyat dia terputus, bercerai dahulu sekali, bertanding semula baru dapat jawatan. Ini pun satu persoalan. Kecualilah Menteri atau Timbalan Menteri itu tidak dipilih, masuk bertanding dalam pilihanraya, jalan kakilah dia samalah macam kita. Ini keadaan yang berlaku.

Kalau tidak, masakan ada jambatan kayu. Saya minta maaf kepada orang Johor kalau mereka ada di sini. Negeri Johor ini negeri yang bertamaddun lebih awal daripada negeri-negeri lain. Saingannya Pulau Pinang dan Melaka sahaja. Negeri Terengganu memang terkenal negeri yang bodoh, negeri yang miskin tetapi tak ada jambatan kayu. Bukan kerana hasil minyak, maka keadaan ini berlaku. Kalau saya orang Johor, saya kecil hati juga kerana jambatan kayu masih ada.

Pada masa dahulu, kalau Pegawai Kerajaan hendak bertukar ke Terengganu, potong \$200 gajinya dia bersetuju. Ada dua sebab, sebab yang pertama perhubungannya kerana feri; sebab yang kedua isteri tak benarkan. Itu maklum sahajalah ya. Itu dua sebab yang besar. Tetapi pada hari ini, jalan sudah baik, bekalan api sudah ada. Apa

lagi hendak? Apa elektrik tak habis. Yang menjadi malang kepada orang. Pantai Timur kalau datang pelabur-pelabur dari luar dan dalam negeri, langsung tutup mata sebelah. Pelabur-pelabur hanya dibawa ke mari, ke Kuala Lumpur, ke Johor. Selepas itu, akhir-akhir ini ke Kedah pula. Kononnya Langkawi itu Pelabuhan Bebas dekat dengan Pelabuhan Pulau Pinang dan mungkin ada sebab yang lain lagi satu. Tak dipandang, langsung tak ada apa di Terengganu. Jadi, buku perancangan ini ada menyebut untuk menyamaratakan, sekurang-kurangnya 1:10, tetapi sekarang ini langsung tak ada. Apa yang ada sebuah kilang di Terengganu ialah kilang besi waja, itupun nyaria timbul tenggelam. Macama-macam fitnah timbul.

Sekarang ini sibuk dengan projek gas di sana, berbau gas menyebabkan susah bernafas. Dengan sebab itu Teluk Pasuk pun kojol. Inilah keadaan-keadaan yang berlaku. Kadang-kadang kita terlalu mewah dengan pembangunan, akhir kita lemah sendiri. Jadi, saya merayulah kepada Kementerian yang berkenaan mengenai dengan pelabur-pelabur asing ini, tolonglah pandang-pandang ke negeri-negeri Pantai Timur. Saya tak hendak sebut negeri Terengganu pun, kerana Pantai Timur ini biasanya Terengganu, Kelantan dan Pahanglah. Johor bukan Pantai Timur. Satu benda pun tak ada. Janganlah ke Kuala Lumpur sahaja. Dahulu saya pernah katakan sekali tiap-tiap projek yang dibawa ke mari ekuiti 51:49. Apabila kita 51, Chairmannya tentu, orang kita. Gajinya tak kurang dari \$15 ribu ke atas, tetapi kalau di Terengganu gaji \$15,000 itu macam Raja.

Jadi, untuk mengelakkan orang lihat, orang yang bergaji \$15

ribu ini dibawalah ke Kuala Lumpur, kita tak nampak. Saya merayu atas nama rakyat yang daif di kawasan Pantai Timur yang melibatkan Terengganu, Kelantan dan Pahang supaya diberikan satu pertimbangan yang membolehkan rakyat di situ, para pemuda dan pemudinya mendapat sedikit sebanyak hasil daripada pembangunan negara dalam suasana yang telah merdeka selama 32 tahun ini.

Saya bimbang. Saya bimbang kerana tabiat pengundi di kawasan Pantai Timur mungkin tidak sama dengan kawasan Pantai Barat iaitu kerana mereka boleh buat keputusan dalam masa 5 minit sahaja. Kalau dia tidak berkenan, jangan dikempen lagi, dia akan tumbang dalam masa 5 minit. Satu contoh yang saya sebut tadi iaitu pilihanraya kecil Teluk Pasu. Semua orang tidak fikir kalah kerana negeri yang berkenaan ada ratusan juta ringgit hasil minyak dan begitu juga sumbangan Kerajaan Pusat, ada dengan PETRONASnya, ada dengan gasnya, ada dengan Kenyir Elektriknya, tetapi ini semua dia tidak pandang kalau keinginan mahu makan tidak ada makanan, kalau perutnya lapar tak boleh diisi, dia akan memulakan rancangan sendiri rasa tidak yakin dengan parti pemerintah yang ada dan dia akan tumbangkan siapa sahaja para calonnya.

Jadi dengan sebab itu saya rasa masih sayang kepada Kerajaan yang ada ini. Saya takut sedikit demi sedikit kita akan hilang kepercayaan dari rakyat. Lama-lama Kerajaan ini akan kurus, apabila ia kurus maka orang sambung kurus-kering, tidak bernadi dan tidak berdarah, jawab dia, orang lain akan mengambil tempat. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

4.43 ptg.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989).

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah kesesakan jalanraya di Bandaraya Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan membelanjakan sebanyak \$269 juta di Bandaraya ini untuk membinakan jejambat di 5 kawasan bulatan dan 4 persimpangan jalan.

Tuan Yang di-Pertua, dipercayai langkah ini akan memperbaiki sistem lalulintas bandaraya Kuala Lumpur. Ini adalah satu langkah yang wajar dan patut disanjung tinggi oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dipercayai bahawa langkah tersebut akan memberi faedah kepada sebanyak lebih kurang satu juta orang penduduk Bandaraya Kuala Lumpur terutamanya pengguna jalanraya. Tetapi kos pembinaan infrastruktur ini terpaksa ditanggung bersama oleh penduduk-penduduk kawasan Cheras. Ini adalah tidak adil kepada penduduk di kawasan tersebut.

Berdasarkan kepada pengumuman Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Elyas Omar, kelima-lima jejambat yang dibina itu terletak di bulatan Edinburgh, Jalan Pahang, Jalan Tun Razak dan Jalan Cheras. Manakala 4 persimpangan jalan tersebut adalah terletak di antara Salak South dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, Jalan Pahang, Jalan Gombak, Jalan Ampang dan Jalan Tun Razak. Ini bermakna perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tersebut meliputi 50% daripada kawasan Bandaraya Kuala Lumpur. Tetapi bayaran tol hanya dikenakan di Jalan Cheras.

Tuan Yang di-Pertua, adakah ini adil kepada penduduk kawasan Cheras kerana mereka adalah seperti penduduk kawasan lain yang sama membayar cukai dan menggunakan kemudahan infrastruktur yang

disediakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah mereka harus menanggung beban yang lebih berat? Jikalau jalan tersebut adalah lebuhraya baru seperti jalan yang menghubungkan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dengan bulatan Tun Razak dan dapat pendekkan perjalanan pemandu jalanraya maka langkah Kerajaan untuk mengenakan bayaran tol adalah wajar dan dapat diterima. Tetapi Jalan Cheras, bukanlah satu jalan yang baru dibina, malah jarak perjalanan juga tidak dipendekkan. Mungkin selepas pembinaan jejambat tersebut masalah kesesakan jalanraya boleh diatasi. Tetapi bukankah ini tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memperbaiki keadaan kesesakan jalanraya di Kuala Lumpur?

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula keadaan kesesakan jalanraya tersebut adalah disebabkan oleh kegagalan Kerajaan dalam perancangan pembangunan bandaraya. Kerajaan sepatutnya menimbang dan merancang dengan teliti sebelum membenarkan pembinaan kawasan-kawasan perumahan di sana. Mengapa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak sediakan payung sebelum hujan?

Berpandukan kepada sebab-sebab di atas, saya ingin mencadangkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya menanggung segala kos memperbaiki sistem jalanraya. Jikalau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menghadapi sebarang kesulitan kewangan, mereka haruslah meminta bantuan Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur adalah ibu kota kita dan ianya merupakan pusat pentadbiran Kerajaan malah mendapat tumpuan serta perhatian seluruh dunia.

Kerajaan Pusat mempunyai tanggungjawab untuk memberi bantuan kepada DBKL demi memperbaiki segala kemudahan sosio ekonomi dan meningkatkan imej negara kita di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, Sekian, terima kasih.

4.51 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Seperti kita sedia maklum, Rang Undang-undang ini memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1988 dan 1989 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan pada masa-masa tertentu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya menyokong penuh Maksud B.49 di bawah tajuk Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dengan peruntukan sebanyak \$2 juta. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini sekarang mempunyai seorang Menteri yang dinamik, berpandangan luas dan jauh. Oleh yang demikian, saya yakin dan percaya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Sri S. Samy Vellu akan terus maju dan memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat.

Dalam aspek ini saya mengalu-alukan kenyataan Yang Berhormat Menteri yang bercadang memperkenalkan sistem kad bagi

pengguna-pengguna telefon awam di negara ini. Walaupun ini merupakan suatu perkara yang baru di negara ini, sistem ini telahpun diperkenal dan dilaksanakan dengan jayanya di negara-negara yang maju seperti Great Britain. Setiap pengguna telefon awam dikehendaki membeli kad dari Kedai-kedai Telekom dan menggunakannya sehingga habis melalui telefon awam. Saya sedar perkara ini akan mempunyai implikasi kewangan yang besar kerana terpaksa diubahsuaikan 'coin box' dengan 'punch metre', tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya perubahan baru ini, STMB dapat meninggikan keuntungannya. Selain daripada ini, kita dapat mengelakkan kerosakan telefon yang disengajakan oleh orang-orang tertentu yang ingin mencuri syiling dalam 'coin box' ini. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan bertindak segera untuk melaksanakan sistem kad bagi pengguna-pengguna telefon awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira mendengar berita baru-baru ini bahawa Syarikat Telekom Malaysia Berhad telah memperolehi keuntungan berlipat ganda dari tahun-tahun. kebelakangan ini. Saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan ini. Tetapi saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa Syarikat Telekom Malaysia tidaklah seharusnya sentiasa berfikir mencari keuntungan sehingga 'meneglectkan' perkhidmatan telefon di kawasan-kawasan luar bandar dan ladang-ladang getah. Pada masa ini perhubungan melalui telefon telah menjadi suatu perkara yang amat biasa dan kemudahan ini hendaklah dinikmati oleh setiap rakyat di negara ini termasuk petani dan nelayan di kampung-kampung dan penoreh getah di ladang-ladang. STMP hendaklah memastikan bahawa setiap ladang dan kampung mempunyai kemudahan telefon awam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini atas perkara rungutan bil telefon yang banyak. Pada masa ini setiap orang pengguna menerima telephone bill yang excessive, dengan izin. Pengguna itu terus menyangka pihak STMB telah memperlmainkannya. Untuk mengelakkan rungutan dan prasangka ini, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengkaji kemungkinan memasang meter di setiap rumah seperti meter elektrik dan air di negara ini. Jika perkara ini berlaku, saya percaya komplek dan rungutan bil telefon akan dapat diselesaikan once and for all dengan izin. Ini akan memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pentadbiran STMB agar mereka terus maju lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pembacaan meter air dan elektrik yang kini dilakukan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan dari beberapa agensi yang berkaitan ini. Jika meter telefon dipasang di setiap rumah, pembacaan meter telefon tidak akan menjadi suatu isu atau masalah kerana orang yang membaca meter air boleh juga terus membaca meter elektrik dan seterusnya meter telefon jika ada. Saya pasti perkara ini dapat menjimatkan tenaga manusia dan mewujudkan satu sistem pentadbiran yang teratur dan kerjasama di antara beberapa agensi ini. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji dengan, serius cadangan untuk melaksanakan sistem bersepadu pembacaan meter di negara ini.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang pemasangan infrastruktur seperti air, api dan telefon di setiap rancangan perumahan atau skim-skim perumahan yang diwujudkan di negara ini. Setiap kali sebuah skim perumahan dibuat, Kerajaan hendaklah memastikan pihak

pemaju menyediakan saluran air, api, telefon dan gas bagi setiap rumah yang dibina dalam skim itu. Dengan adanya rancangan seperti ini saya yakin dan percaya penduduk-penduduk perumahan skim baru ini akan menikmati lebih banyak kemudahan di negara kita yang maju. dalam bidang teknologi ini.

Rancangan pemasangan saluran centralised api, air, telefon dan gas seperti ini bukan sahaja memudahkan pengguna tetapi juga dapat menambahkan hasil Kerajaan melalui penggunaan kemudahan-kemudahan ini. Program seperti ini pernah dilaksanakan di Singapura dengan jayanya. Saya juga berharap, kemudahan seperti ini akan memberi manfaat dan erti yang besar kepada industri gas di negara ini. Saya sedar industri gas di negara ini mempunyai masa depan yang cemerlang jika sekiranya pemasangan saluran gas dibuat setiap rumah di negara ini dan diedarkan dari centralised agency itu. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan pemasangan saluran api, air, gas dan telefon ke setiap rumah di negara ini agar rakyat hidup dengan lebih selesa dan mewah.

Dengan harapan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abu Bakar bin Lajim: Ada yang hendak berucap lagi?
Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

5.00 ptg.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bersama-sama menyertai perbincangan Rang Undang-undang Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan tahun 1988/1989. Saya ingin menarik perhatian kepada peruntukan tambahan untuk Jabatan Perdana Menteri yang berjumlah sebanyak \$19,325,000 itu dan saya yakin sebahagian daripadanya akan dibelanjakan untuk bahagian-bahagian perancangan dalam Jabatan itu seperti Unit Perancang Ekonomi dan ICU. Saya juga percaya bahawa pegawai-pegawai yang professional dan pakar di dalam bidang masing-masing di Jabatan itu adalah majoritinya orang Melayu yang insaf dan 'committed' kepada usaha untuk memperbaiki kedudukan orang Melayu. Mereka bukan sahaja berpeluang dan selalu berhadapan dengan fakta-fakta yang kebanyakan orang awam seperti kita di Dewan ini tidak berpeluang melihat atau memperolehi kerana sebab-sebab rahsia dan sebagainya. Mereka adalah sangat bernasib baik kerana mengetahui keadaan sebenar mengenai tahap pencapaian dan kemajuan orang-orang Melayu setakat ini. Oleh itu saya yakin mereka benar-benar peka, insaf dan sedar tentang tugas dan tanggungjawab mereka kepada rakyat Malaysia terutamanya kaum bumiputera.

Saya lebih-lebih lagi yakin bahawa mereka mengetahui bahawasanya negeri saya, negeri Kelantan Darul Naim adalah negeri yang termiskin dan termundur di Malaysia. Saya membangkitkan perkara ini sekali lagi kerana saya tidak puas hati dengan jawapan-jawapan yang telah diberi oleh wakil-wakil Kerajaan kepada pertanyaan-pertanyaan saya semenjak saya mulai menganggotai Dewan ini pada bulan Mac tahun 1988.

Jawapan-jawapan yang diberi tidak menunjukkan kesungguhan dan seriusnya sikap mereka yang menyediakan jawapan-jawapan itu. Bentuk jawapan adalah biasa sahaja seolah-olah melepaskan tanggungjawab biasa sahaja. Jawapan terakhir mengenai Kelantan yang telah diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada hari Jumaat, 7hb Jun baru-baru ini adalah tidak meyakinkan bahkan mengecewakan. Sungguhpun apa yang telah saya bangkitkan itu adalah isu fundamental dalam perancangan ekonomi negara, jawapannya adalah stereotype, samar-samar dan terlalu mengecewakan sebab yang diberitahu, saya 'quote' balik dalam jawapan baru-baru ini, ia menekankan masalah penyelesaian jangka panjang sahaja. Mengikut jawapan yang diberi oleh Menteri berkenaan pada hari itu, dari segi jangka panjang dari berasaskan garis panduan PIP tersebut usaha-usaha akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk membantu menggalakkan penubuhan industri yang termasuk negeri Kelantan di samping mewujudkan industri-industri yang mempunyai pertalian dengan industri berat. Bagi tujuan ini, hirarki bandar di negeri-negeri tersebut termasuk negeri-negeri kurang maju sedang disusun semula secara terpilih dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan kelengkapan asas secukupnya yang diperlukan untuk pembangunan perindustrian dan perdagangan.

Jawapan ini 'vague', jangka panjang, bila? Sedangkan rakyat negeri Kelantan sedang merasai recession, negeri-negeri lain sedang menikmati pertumbuhan yang pesat, negeri itu tertinggal! Yang malangnya negeri ini, negeri Melayu, hampir 95% Melayu! Lebih besar daripada jumlah orang miskin misalnya kaum India di Malaysia.

Saya sedar Yang Berhormat Menteri berkenaan tidak akan dapat menjawab lebih daripada jawapan yang telah disediakan kerana perancangan ekonomi bukan bidangnya sebab itulah saya 'address' ucapan saya kepada mereka yang bertanggungjawab di belakang tabir.

Mengikut data Jabatan Perangkaan mengenai bancian incidence of poverty and mean monthly household income by State 1984 and 1987, dengan izin, Kelantan adalah negeri kedua tertinggi di Semenanjung dari segi kadar kemiskinan iaitu 31.6% dan 'mean income' terendah dengan jumlah sebanyak \$667 'per family' berbanding dengan \$1,558 dengan negeri Selangor Darul Ehsan iaitu hampir 3 kali ganda lebih rendah. 30.6% atau 70,400 keluarga berada di paras kemiskinan. Ini bererti 300,000 orang Melayu Kelantan lebih ramai daripada rakyat negeri Melaka berada di ambang neraka dunia.

Saya tidak mahu mendengar jawapan biasa bahawa Kerajaan tidak menganak-tirikan negeri Kelantan atau memperuntukkan perkapita untuk negeri Kelantan adalah tertinggi dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Jawapan itu jawapan biasa juga. Apa yang kita hendak tahu, apakah yang boleh kita susun untuk menghadapi masalah yang mendesak sekarang. Saya ingin tahu apakah, dasar, strategi dan program pembangunan untuk Kelantan sekarang adalah betul ataupun tidak setelah mengetahui bahawa negeri itu tidak berupaya mencetuskan pertumbuhan dewasa ini walaupun keseluruhan negara mulai merasai kesan pemulihan ekonomi. Persoalannya bukan sebanyak mana dibelanjakan di Kelantan tetapi keberkesanan perbelanjaan itu sama ada perbelanjaan itu mencapai matlamat membasmi kemiskinan, mengadakan peluang-peluang pekerjaan ataupun mencetuskan pertumbuhan dan sebagainya. Apakah teras atau tekanan perancangan ekonomi negeri Kelantan? Kalau di Selangor, Johor dan Pulau Pinang, tekanannya kepada perindustrialisasi, pelancongan dan perumahan, apa pula bagi negeri Kelantan, pertanian ataupun pelancongan?

Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus membangkitkan masalah-masalah negeri saya di Dewan ini kerana saya dipilih oleh

Dewan Undangan Negeri Kelantan untuk mewakili negeri itu. Saya bukan bersemangat kedaerahan, cuma menjalankan tugas dengan seikhlas-ikhlasnya lebih-lebih lagi apabila menyedari bahawa kalau orang Melayu Kelantan ketinggalan, mereka akan menarik turun kadar pencapaian orang Melayu lain di kawasan lain seluruh Malaysia.

Saya tertarik hati dengan kesungguhan wakil-wakil MIC dan MCA membangkitkan isu-isu mengenai kepentingan masyarakat mereka dengan tidak segan-silu bahkan mereka berani membangkitkan perkara-perkara sensitif asalkan kepentingan mereka terbela. Saya berazam akan membangkitkan masalah Kelantan sehingga jawapan dan tindakan yang sewajarnya diambil.

Kepada para perancang ekonomi negara, kajilah sekali lagi dasar dan strategi ekonomi di Kelantan. Apakah strategi menumpukan kepada pelaburan swasta untuk menggerakkan ekonomi dan menjamin pertumbuhan yang dijangkakan boleh dipakai bagi negeri Kelantan sedangkan kita sedar bahawa para pelabur hanya akan melabur di tempat-tempat yang menjamin keuntungan yang maksimum sahaja. Sudah pasti para pelabur tidak akan ke Kelantan. Mereka akan tumpu ke negeri-negeri yang mempunyai 'relative advantage' dari semua segi termasuk kemudahan infrastruktur dan lain-lain lagi. Strategi ini akan menimbulkan ketidakseimbangan kemajuan di antara negeri dan Wilayah. Apakah falsafah pembangunan sudah berubah menjadi 'lasser fair' tulin menekankan perlumbaan dan persaingan bebas, 'survival of the fitters'? Saya yakin tidak. Kenapakah keengganan mengkaji semula dasar dan strategi pembangunan di Kelantan, disreluctance dan silence is baffling, dengan izin.

Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-Undang Perbelanjaan Tambahan 1988/1989. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Kalau tidak ada lagi yang hendak bercakap, saya serahkan kepada Menteri atau Timbalan Menteri menjawab.

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, seramai 8 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Dahalan bin Haji Embun, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Jendol, Yang Berhormat Senator Tuan Tiong Hiew King, Yang Berhormat Senator Tuan Sivalingam, Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa bin Awang, Yang Berhormat Senator Tuan Tan Chai Ho, Yang Berhormat Senator Tuan G. Rajoo dan yang akhir sekali Yang Berhormat Senator Tuan Hassan Harun.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mungkin akan dapat menjawab setiap perkara yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, perkara-perkara tersebut telah dicatit dan diambil perhatian oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan dan mana-mana yang bersesuaian akan diberikan perhatian yang sewajarnya dan dilaksanakan jika berpatutan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberikan serba sedikit ulasan dan jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang pertama sekali adalah teguran daripada Yang Berhormat Senator Tuan Dahalan bin Haji Embun berhubung dengan pengurusan kewangan. Sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan memang sentiasa mengamalkan kawalan dan pengurusan kewangan yang rapi. Bagaimanapun,

keperluan bagi peruntukan Perbekalan Tambahan terpaksa dibuat bagi memenuhi perubahan-perubahan dasar Kerajaan dan keperluan-keperluan luar jangka.

Rancangan bagi Belanjawan Negara sentiasa dilakukan dengan **te-
liti**, dengan mengambilkira kedudukan ekonomi negara serta jangkaan **hasil** sebelum peruntukan keseluruhannya bagi Kementerian dan Jabatan untuk tahun kewangan berkenaan ditentukan. Malahan sebelum anggaran-anggaran perbelanjaan Kementerian dan juga Jabatan diperik-
sa dalam satu-satu tahun kewangan, Perbendaharaan telah mengeluarkan **Pekeliling** Perbendaharaan untuk memberi garis panduan kepada Kement-
erian dan Jabatan-jabatan untuk dijadikan sebagai asas persediaan anggaran perbelanjaan masing-masing bagi menentukan had-had peruntu-
kan, keutamaan-keutamaan perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran dan sebagainya,

Yang Berhormat Senator Tuan Dahalan bin Haji Embun juga mem-
bangkitkan masalah wang yang tidak dituntut. Untuk makluman Yang
Berhormat, wang tidak dituntut adalah kepunyaan orang awam di mana
Kerajaan adalah sebagai pemegang amanah sahaja. Oleh itu, wang ter-
sebut tidak dapat digunakan bagi **lain-lain** maksud. Bagaimanapun, wang
tersebut tidaklah beku, ianya dilaburkan dan keuntungan dari pelabu-
ran ini dijadikan hasil Kerajaan untuk membiayai beberapa
perbelanjaan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim
bin Jendol dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa bin Awang,
ada membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan beberapa masalah
pendatang haram. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan
yang mulia ini, selama ini segala urusan yang berkaitan dengan

Vietnam dibiayai sepenuhnya oleh pihak Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi orang-orang pelarian ataupun UNHCR.

Kerajaan tidak pernah menanggung perbelanjaan ke atas pendatang-pendatang haram Vietnam. Perbelanjaan yang dipohon ini perlu bagi melengkapkan infrastruktur Kerajaan seperti pembelian kenderaan-kenderaan dan juga pembinaan pusat-pusat penempatan sementara dalam usaha Kerajaan bagi melaksanakan operasi penutupan Pulau Bidong.

Yang kedua, Kerajaan terpaksa berhati-hati dalam usaha pengusiran pendatang-pendatang haram Vietnam kerana ia melibatkan juga negara-negara ketiga yang lain. Kerajaan sedang giat mengadakan rundingan di peringkat antarabangsa supaya usaha-usaha ke arah penutupan Pulau Bidong ini tidak akan menjejaskan komitmen negara-negara ketiga, yang telah berjanji untuk mengambil pendatang-pendatang haram Vietnam dari negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa Awang ada membangkitkan berkenaan dengan peruntukan bagi pembangunan kampung-kampung tradisional di samping pembangunan kampung-kampung baru. Sukalah dinyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai pembangunan di semua kawasan, termasuk kampung-kampung tradisional dan ini adalah merupakan satu proses yang berterusan, bersesuaian dengan peruntukan dan juga kemampuan Kerajaan. Kerajaan akan terus menentukan bahawa kampung-kampung tradisional tidak akan ditinggalkan daripada arus pembangunan negara. Tambahan peruntukan yang diminta adalah bagi peruntukan mengurus, unit yang dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Ular Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Tiong Hiew King ada membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, tentang pencapaian projek-projek pembinaan perumahan yang kurang memuaskan dan menyeru Kerajaan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membina lebih banyak rumah-rumah awam kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar akan pencapaian program perumahan yang kurang memuaskan setakat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia yang Kelima, yang mana kemelesetan ekonomi merupakan salah satu punca pencapaian yang kurang memuaskan, di samping itu kegagalan pihak pemaju atau kontraktor bagi menyiapkan projek-projek dalam tempoh yang ditetapkan juga merupakan faktor pencapaian yang kurang memuaskan. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan-kerajaan Negeri telah diminta memastikan pemaju ataupun kontraktor yang dipilih mestilah mempunyai keupayaan untuk melaksanakan dan menyiapkan projek.

Berhubung dengan saranan supaya dibina lebih banyak rumah kos rendah, Kerajaan telahpun meluluskan sejumlah \$110 juta di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima bagi membina rumah-rumah kos rendah di seluruh negara.

Berhubung dengan pembinaan rumah berharga kurang daripada \$15,000 seunit di Sarawak, Kerajaan juga telah meluluskan sejumlah \$30 juta untuk melaksanakan rumah berharga kurang daripada \$15,000 seunit di bawah Skim Pertapakan dan Kemudahan di beberapa buah negeri termasuk negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Tiong Hiew King juga membangkitkan perkara permohonan warganegara di negeri Sarawak. Bagi mereka yang lahir di Brunei sebelum Hari Malaysia, mereka boleh memohon warganegara secara Masukan di bawah Perkara 19 (1) Perlembagaan. Bagi mereka yang lahir selepas Hari Malaysia dan berumur kurang dari 21 tahun, mereka boleh memohon warganegara secara Daftaran di bawah Perkara 15 (2) dan seksyen 1 (c) Jadual Kedua, Bahagian 2 Perlembagaan. Mengenai kelayakan pemohon, mereka boleh mendapatkan penjelasan daripada Pegawai Pendaftaran di kawasan yang berhampiran.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara yang dapat saya berikan ulasan dan jawapan bagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Seperti yang saya sebut, mana-mana perkara-perkara yang saya tidak menjawab sebentar tadi, perkara-perkara tersebut telah diambil perhatian oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan tahun 1989 dan bagi

untukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut **itu**, telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dari diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi mengadakan undang-undang baru mengenai pelesenan dan pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang, mengenai pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan kewangan lain yang tertentu, dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya", dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk mewujudkan perundangan yang lebih kemas dan menyeluruh bagi urusan bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia. Dengan pengwujudan Akta baru ini, Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat-syarikat Kewangan 1969 adalah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan undang-undang baru bagi urusan bank dan institusi-institusi kewangan adalah perlu khususnya untuk menampung perkara-perkara berikut:

- (i) untuk mengawasi kegiatan institusi-institusi kewangan yang sebelum ini tidak diawasi dan dikawal oleh mana-mana pihak;
- (ii) untuk melaksanakan tindakan menyelamatkan ke atas institusi kewangan dengan segera dan lebih berkesan. Krisis yang berlaku ke atas Koperasi-koperasi Pengambil Deposit dalam tahun 1986 dan 1987 menunjukkan perlunya kuasa undang-undang yang sesuai diwujudkan untuk tujuan ini.
- (iii) untuk menseragamkan kawalan ke atas syarikat-syarikat kewangan dengan bank perdagangan. Oleh kerana peranan yang dimainkan oleh syarikat kewangan dan bank adalah hampir sama, kaedah kawalannya perlu diseragamkan; dan
- (iv) mewujudkan kawalan yang lebih kemas dan sempurna ke atas institusi-institusi kewangan sebagai usaha memajukan lagi sistem kewangan negara dan membolehkan langkah-langkah yang lebih berkesan diambil bagi menghalang jenayah kolar putih.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 ini membahagikan institusi kewangan kepada 3 kategori, iaitu:

- (i) Instituai Kewangan Berlesen;
- (ii) Institusi Kewangan Yang Berjadual; dan
- (iii) Institusi Kewangan Yang Tidak Berjadual.

Institusi Kewangan Berlesen adalah terdiri daripada institusi-institusi kewangan berikut:

(i) Institusi Pengambil Deposit, iaitu:

- Bank Perdagangan;
- Bank Saudagar;
- Syarikat Kewangan; dan
- Syarikat Diskaun.

(ii) Institusi-institusi perantaraan pasaran wang atau, dengan izin, money market intermediaries, iaitu:

- Broker wang; dan
- Broker pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, institusi-institusi di bawah kategori "Institusi Kewangan Berlesen" semuanya terlibat dengan penciptaan wang, dengan izin, money creation dan memerlukan kemahiran tinggi dalam urusniaga kewangan mereka. Oleh itu institusi-institusi ini dikawal secara langsung melalui peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang tersebut, Antara bentuk kawalan ini termasuk soal perlesenan, menentukan peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi, kuasa-kuasa memeriksa dan menyiasat oleh Bank Negara dan menetapkan larangan-larangan dalam urusniaga mereka.

Institusi Kewangan Yang Berjadual adalah terdiri daripada institusi-institusi kewangan yang berikut:

(i) Institusi yang menawarkan sumber kredit dan kewangan selain daripada badan-badan berkanun.

Ia termasuk institusi-institusi berikut:

pengeluar-pengeluar kad bayaran atau kad kredit, cek pengembara dan operator-operator bagi mesin pengeluar wang tunai aecara kolektif adalah institusi-institusi yang menjalankan perniagaan token credit.

perbadanan kewangan pembangunan yang di daftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, seperti Malaysian Industrial Development Finance Bhd. (MIDF), Bank Pembangunan Sabah-Bhd., Bank Industri Malaysia Bhd. dan Bank Pembangunan Malaysia Bhd., dan institusi-institusi pemberian pinjaman perumahan dan bangunan dipanggil, dengan izin, Building Credit Institutions, seperti Malaysian Building Society Bhd. (MBSB) dan Borneo Housing Mortgage Finance Bhd.

- (ii) Pejabat perwakilan bank asing atau institusi kewangan asing yang menjalankan perniagaan di bawah kategori institusi kewangan berlesen atau perniagaan di bawah kategori institusi kewangan berjadual sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Rang Undang-undang tersebut.

Badan-badan berkanun dan koperasi tidak dikawal secara langsung di bawah Akta ini kerana mereka adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang mereka sendiri.

Bagi institusi-institusi yang berjadual perkara utama dalam pengawalan mereka adalah dari segi penyampaian maklumat di mana mereka dikehendaki mengemukakan maklumat berkaitan dengan kegiatan mereka dari masa ke semasa kepada Bank Negara bagi membolehkan Bank Negara mengawasi kedudukan kewangan di kalangan institusi-institusi berkenaan. Sekiranya didapati perlu, atau jika institusi yang berjadual didapati tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya, Menteri Kewangan, dengan perintah yang diwartakan, boleh mengenakan semua atau sebahagian daripada bidang pengawalan yang dipakai ke atas institusi-institusi yang berlesen kepada institusi-institusi yang berjadual.

Institusi kewangan yang tidak berjadual pula adalah terdiri daripada semua badan berkanun dan institusi lain yang menjalankan kegiatan pemberian kredit tetapi tidak termasuk dalam kategori institusi-institusi yang berlesen atau institusi-institusi yang berjadual.

Peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan institusi-institusi yang tidak berjadual ini hanyalah untuk menghadapi keadaan kecemasan sahaja di mana dalam sesuatu krisis, Menteri Kewangan atas

permintaan Menteri atau pihak Berkuasa Negeri yang bertanggungjawab bagi institusi yang tidak berjadual itu boleh mengarahkan Bank Negara membuat penyiasatan dan mengambil tindakan ke atas institusi-institusi yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peruntukan-peruntukan baru untuk mengawal mengawas dan menyelamatkan bagi ketiga-tiga kategori institusi kewangan seperti yang dinyatakan sebentar tadi, peruntukan-peruntukan utama lain yang baru diwujudkan dalam Rang Undang-undang itu adalah sebagaimana berikut:

Fasal 2 Rang Undang-undang memberi tafsiran dan definisi yang luas dan terperinci mengenai istilah-istilah yang berkaitan dengan institusi-institusi kewangan serta kegiatan yang dijalankan oleh mereka. Tafsiran yang luas dan terperinci ini akan menjadikan pelaksanaan peruntukan-peruntukan di bawah Rang Undang-undang itu lebih mudah dan jelas.

Fasal-fasal 4 dan 129 menjelaskan mengenai perlunya cawangan bank asing di Malaysia diperbadankan di bawah undang-undang tempatan. Walau bagaimanapun, bank-bank asing akan diberi tempoh masa hingga 5 tahun, atau dengan kelulusan Menteri Kewangan, tempoh masa yang lebih panjang untuk diperbadankan dalam Malaysia. Perkara ini dirasakan perlu bagi memastikan bank-bank asing mengekalkan modalnya dan bukannya wang kerja bersih di Malaysia. Bagaimanapun bank-bank asing akan terus dibenar memegang 100% ekuiti dalam bank-bank berkenaan.

Fasal 40 Rang Undang-undang meluaskan tanggungjawab Juru-audit-juruaudit yang dilantik bagi institusi-institusi kewangan berlesen. Mereka akan diwajibkan untuk melaporkan secara terus kepada Bank Negara sekiranya terdapat apa-apa kegagalan dalam mematuhi peruntukan undang-undang atau sekiranya institusi berkenaan menghadapi masalah kewangan.

Bahagian 11 Rang Undang-undang memberi kuasa menyiasat dan mendakwa yang lebih luas kepada Bank Negara. Kuasa-kuasa ini dirasakan perlu memandangkan meningkatnya jenayah dalam urusan bank dan kewangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kuasa-kuasa penyiasatan yang sedia ada tidak mencukupi untuk membanteras kegiatan jenayah kolar putih yang dilakukan dalam sistem kewangan.

Sejajar dengan perkembangan teknologi moden, Rang Undang-undang ini juga menyediakan peruncutan di bawah **Fasal 119** untuk membolehkan pengawasan dan pengawalan ke atas mana-mana sistem pemindahan wang secara elektronik yang sedia ada atau yang dicadangkan untuk dilaksanakan di Malaysia.

Kesalahan yang melanggar undang-undang di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan telah dikumpulkan dalam **Bahagian 14** dan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang sedemikian telah disenaraikan dalam Jadual Keempat. Hukuman yang boleh dikenakan telah dinaikkan kepada denda yang maksima sebanyak \$10 juta dan 10 tahun penjara berbanding dengan denda \$50,000 dan 3 tahun penjara pada masa sekarang. Ini adalah untuk mencegah jenayah kolar putih yang semakin meningkat. Di samping itu sebarang percubaan persubahatan dan komplot untuk melakukan kesalahan sedemikian adalah juga satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Rang Undang-undang itu secara keseluruhannya mengandungi peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969. Bagaimanapun kebanyakan peruntukan-peruntukan itu telah disusun semula, diperkemas dan dihuraikan dengan lebih jelas bagi menyesuaikan dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam sistem kewangan negara.

Kuasa penyiasatan yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini adalah diperlukan untuk memudahkan Bank Negara mengambil tindakan serta merta dan mendakwa orang-orang yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Rang Undang-undang ini dengan secepat mungkin, khasnya pengambil deposit secara haram. Ini adalah mustahak untuk menjaga kepentingan para pendeposit dan orang awam. Jika tindakan serta merta tidak diambil seperti yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini, penjenayah-penjenayah mungkin melepaskan diri seperti dalam kes CCB.

Dengan terkanunnya Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, pengawasan dan pengawalan ke atas institusi-institusi kewangan di negara ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh oleh Bank Negara. Ia juga akan dapat menjamin suasana yang lebih stabil dan kukuh dalam sistem kewangan negara. Walau bagaimanapun, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, undang-undang dan peraturan tidak dapat menyekat sepenuhnya penyelewengan, yang penting ialah sifat-sifat kejujuran dan ketulusan mesti ada di kalangan pengarah, pengurusan serta kakitangan institusi-institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi mengadakan undang-undang baru mengenai pelesenan dan pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang mengenai pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan kewangan lain yang tertentu dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

5.40 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta berbahas di Dewan ini untuk tujuan memberi sokongan dan membahaskan Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baru sebentar tadi di Dewan yang mulia ini.

Tujuan dibentangkan atau dihuraikan satu persatu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah jelas menggariskan langkah-langkah baru yang lebih kemas dan ketat dan diharap dapat dilaksanakan secara lebih berkesan, iaitu bagi mewujudkan pengurusan dan pengawalseliaan yang lebih bersistem dan mudah dikesan segala bentuk penyelewengan di dalam urusan bank dan institusi kewangan.

Di dalam Bahagian II Fasal 4 jelas menggariskan iaitu melarang mana-mana orang daripada menjalankan perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar atau syarikat diskaun melainkan ia satu syarikat awam atau menjalankan perniagaan pembrokeran, melainkan jika ia satu perbadanan, kecuali jika dalam mana-mana satu hal orang itu memegang lesen yang sah diberikan di bawah seksyen 6(4) untuk menjalankan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun penyelewengan di bank dan di institusi kewangan sudah menjadi satu fenomena yang tidak dapat dielakkan di serata dunia, tetapi apa juga bentuk penyelewengan yang berlaku dalam bank atau institusi kewangan di negara ini tidaklah boleh dianggap sebagai perkara yang lumrah. Kalau sikap ini wujud, ini bermakna kita akan membiarkan terus jenayah kolar putih ini untuk terus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita sekarang nampaknya semakin berhati-hati untuk menggunakan segala kemudahan bank dan juga institusi kewangan. Keraguan dan keyakinan rakyat terhadap bank dan keteguhan bank sudah selalu menjadi persoalan dan tanda tanya. Langkah baru Bank Negara ini adalah wajar bagi menjamin kepentingan orang ramai. Kita patut menjaga rakyat daripada menjadi mangsa jenayah kolar putih yang semakin menjadi-jadi melakukan jenayah perdagangan. Bahawa sudah sampai masanya diadakan satu Akta bagi mengadakan Rang Undang-undang baru mengenai pelesenan dan pengawalseliaan institusi yang menjalankan perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang mengenai institusi-institusi yang menjalankan perniagaan kewangan lain yang tertentu dan mengenai perkara-perkara sampingan atau yang berkaitan dengannya.

Berdasarkan kepada Fasal 4 dan 6 kita harap perjalanan institusi kewangan dan bank-bank ini akan lebih terkawal dan terjamin dalam operasi pengendalian perniagaan. Maka dengan peruntukan Fasal 5 dan 6 segala butir-butir perlu mengenai permohonan, iaitu permohonan lesen mengenai mana-mana perniagaan yang telah disebutkan dalam seksyen 4 dapat diteliti dengan sebaik-baiknya dan ditentukan segala kesahihannya. Saya berharap di dalam hal ini biarlah dibuat kajian dan pertimbangan tentang kelulusannya, tidak dengan menggunakan semata-mata atas budibicara sahaja tetapi berdasarkan kepada keseluruhan aspek yang menentukan.

Tuan Yang di-Pertua, jika benar-benar kita mahukan keteguhan institusi-institusi kewangan dan bank-bank di negara ini, sifat pilih kasih, rasuah dan apa juga penyelewengan mesti dielakkan dalam

proses membuat pertimbangan sebab kita bimbang jika lesen perniagaan itu tersalah beri kepada pemohon yang kurang ada keupayaan, sama ada dari segi kelayakan, modal, pengalaman dan juga kurang dari segi keamanahan, maka akan wujudlah sistem kewangan yang kucar-kacir dan selalunya pihak yang menerima faedah yang lebih ialah pihak pengendali bank, bukannya pelanggan bank. Walau apapun risikonya pihak yang mengendalikan bank dan institusi kewangan yang terlibat biasanya mengambil sikap yang negatif dan akhirnya menyerahkan kepada tanggungan dan mahkamah. Yang rugi besar dan menjadi mangsa ialah pelanggan dan terpaksa menguruskan tanggungan beban dan pengendali bank itu, iaitu Bank Negara sendiri, iaitu Kerajaan. Oleh sebab itu, perlu diperiksa sehabis teliti setiap nama dan alamat pengarah-pengarah, pemohon, dan perbadanan berkaitan disiasat tentang biodatanya, sejarah hidupnya yang lepas dan masa kini bagi mengenalpasti keupayaan, kewibawaan dan keamanahan.

Fasal 6(3) menyebut satu syor untuk memberi lesen tidak boleh dibuat jika bank berpuas hati bahawa ia akan berlawanan dengan mana-mana peruntukan lain Akta ini untuk memberi lesen atau bahawa ia akan memudaratkan kekukuhan struktur kewangan Malaysia untuk berbuat demikian. Fasal ini saya anggap amat penting kerana istilah peringkat penentuan yang mana cadangan disokong atau tidak disokong dibuat untuk pihak Menteri membuat keputusannya. Di sinilah letaknya tanggungjawab moral yang harus disempurnakan. Untuk memenuhi tanggungjawab moral ini disyor mestilah disediakan dengan penuh kejujuran, keikhlasan, keamanahan dan tidak langsung dimonopoli oleh mana-mana pihak. Maka dengan kepastian-kepastian kita harap lesen-lesen yang diluluskan ini akan dapat ditentukan pengendaliannya secara lebih sempurna.

Fasal 7(1) mengandungi langkah-langkah yang diharap akan dapat menyekat dan mengawal lesen-lesen bank dan institusi kewangan yang diuruskan daripada dijual, dimonopolikan syernya dan juga lesen yang terus tidak beroperasi atau yang dapat beroperasi tetapi bermasalah.

Bahagian IX Fasal 58 dan 59 adalah langkah-langkah wajar yang perlu diambil berat dan dipatuhi bagi menentukan sekatan mengenai perniagaan institusi pelesenan itu berkesan. Langkah ini mudah-mudahan diharap akan dapat menjamin kedudukan dari kestabilan institusi kewangan berkenaan.

Fasal 59 memperkuatkan lagi keteguhan institusi kewangan iaitu dengan mengelakkan risiko dan penyelewengan yang lebih tinggi, iaitu dengan menggunakan kepentingan untuk diri sendiri, khasnya bagi pemegang-pemegang syernya sendiri. Pengawasan dan pemeriksaan rapi seberapa kerap yang boleh mengikut keadaan yang difikirkan perlu akan memberikan amaran awal dan mewujudkan sikap berjaga-jaga dan waspada serta sentiasa kemaskini di bank-bank atau institusi kewangan.

Fasal 69 dan 70 adalah menepati kehendak-kehendak kini. Saya percaya dan yakin penyalahgunaan kuasa tidak akan berlaku dalam tindakan ini kerana pemeriksaan ini adalah tertakluk kepada arahan Menteri, bukan tertakluk kepada kehendak pegawai berkenaan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rang Undang-undang ini yang membolehkan hukuman denda maksima \$10 juta dan 10 tahun penjara terhadap kesalahan jenayah kolar putih, seperti yang terkandung dalam Jadual 4 seksyen 103 adalah langkah yang diharapkan dapat membanteras jenayah di bank-bank dan di institusi kewangan bagi melindungi pelanggan-pelanggan dan menyelematkan institusi kewangan negara menjadi kukuh dan tidak mantap.

Masanya adalah kena bagi langkah ini diambil dan tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Kewangan kerana dapat menggubal Rang Undang-undang ini. Langkah ini saya yakin akan membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi negara melalui kekokohan sistem kewangan negara yang seterusnya mewujudkan keyakinan pelanggan yang baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Keng Siong: [Bangun]

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Teruskan Yang Berhormat.

5.51 ptg.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih oleh kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, kami sentiasa dengar aduan-aduan terhadap bank-bank dan institusi-institusi kewangan mengutip faedah yang terlalu tinggi mengenai segala-gala pinjaman oleh pelanggan. Contohnya semua bank yang berniaga sekarang dan dalam tempoh masa daripada 1987-i988 sentiasa senang dapat wang ringgit atau tabung kewangan yang murah. Faedah yang dibayar oleh bank di atas simpanan tetap iaitu fixed deposit, dengan izin, dalam tahun 1987-1988 ada hanya 3%-6% setahun. Selainnya semua bank senang memperolehi wang ringgit daripada tabung wang yang lebih murah daripada inter-bank money market, dengan izin. Tetapi bank-bank sentiasa mengutip faedah tinggi setinggi-tingginya 11% di atas semua pinjaman yang

tetap iaitu fixed term loans, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya ada seorang ahli MCA telah meminjam sebanyak \$40,000 seperti pinjaman tetap iaitu fixed term loans, dengan izin adalah digunakan untuk membeli sebuah rumah kedai.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman yang diperolehi oleh ahli MCA yang tersebut di atas pada tahun 1980 dengan bayaran 3% di atas prime landing rate, dengan izin, yang telah ditetapkan sebanyak 7.5% setahun. Bayaran ansuran bulanan di atas pinjaman ini juga ditetapkan sebanyak \$554 sebulan. Semua bayaran ansuran bulanan akan habis dibayar dalam tempoh masa selama 120 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi dalam bulan Mei, 1981 faedah yang dikutip di atas pinjaman telah ditambahkan ke 51 atas prime landing rate, dengan izin, yang telah ditetapkan 9% setahun. Bayaran ansuran bulanan yang bertambah ke \$639.05 sebulan. Faedah yang baru diubah menjadi 142 setahun pada tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, bank-bank bukanlah sahaja mengutip faedah yang tinggi di atas segala pinjaman tetapi juga fixed term loans, dengan izin. Mereka juga kutip denda penalty interest, dengan izin yang paling berat di atas segala bayaran yang lambat dijelaskan oleh peminjam. Dalam kes ini yang saya sebut tadi sebagai contohnya ahli MCA yang berkenaan menghadapi kerumitan yang paling teruk untuk membayar pinjaman kepada bank dalam masa ekonomi yang merosot. Beliau tidak menjelaskan hutang dalam dua bulan berturut-turut dalam tahun 1982, ini bermakna beliau hutang bank selama dua bulan dengan wang ringgit sebanyak \$1,278.10.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1982 faedah yang dikutip oleh bank adalah sebanyak 15.5% setahun. Hutang dua bulan sebanyak \$1,278.10 juga dicampurkan dengan outstanding loan, dengan izin, pada awal tahun 1983, kemudian faedah sebanyak 15.5% setahun juga dikutip di atas hutang 2 bulan iaitu \$1,278.10 pada kali pertama.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya faedah untuk dua hutang yang belum dijelaskan adalah sebanyak \$198.10. $\$1,278.10 \times 15.5\% \times 1$ tahun = \$198.10, selepas dikehendaki membayar sebanyak \$198.10 pinjaman ini diperlukan membayar denda dengan sebanyak 16.5% di atas dua bulan hutang pada tiap-tiap bulan iaitu $\$1,278.10 \times 10 \times 16.5\% \times 1/12$ bulan \$175.7 sebulan untuk satu tahun jumlah denda di atas 2 bulan bayaran lambat iaitu $\$17.57 \times 12$ bulan = \$210.84.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah denda di atas bayaran lambat yang sebanyak \$1,278.10 adalah $\$198.10 + \$210.84 = \$408.94$.

Tuan Yang di-Pertua, jika kami menukar angka denda ini sebanyak \$408.94 di atas bayaran lambat sebanyak \$1,278.10 kepada peratus, peratus ini akan jadi 32% setahun iaitu \$408.94 (bahagi) $\$1,278.10 \times 100 = 32\%$. Ini bermakna bank itu mengira pinjaman itu 32% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kiraan yang tersebut di atas bank yang berkenaan telah kutip 32% di atas hutang selama 2 bulan, sejenis peratus yang paling tinggi sekali, sepatutnya bayaran denda 1% di atas faedah yang biasa itu 15.5%.

Saya cuma ingin mengutamakan (highlight), dengan izin, bayaran denda hanya 1% campur dengan 15.5% iaitu 16.5%, bank kutip 32%.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Ahli MCA yang telah meminjam sebanyak \$40,000 pinjaman yang berkenaan ini akan dipaksa membayar denda sebanyak \$7,500. Di atas \$7,500 - \$3,200 adalah bayaran denda yang patut. Jika sekiranya dengan 15.5% pinjaman berhak meminta balik sebanyak \$4,300 kerana wang ringgit sebanyak ini adalah denda yang telah dikira dua kali ganda. Bank yang berkenaan tidak peduli segala aduan daripada orang ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak berkuasa Bank Negara akan menyiasat cara kiraan bayaran dengan denda yang tidak adil dan patut. Semua praktis, dengan izin, yang tidak bayar, mestilah dihapuskan daripada bank-bank dan instituai kewangan.

Sekali lagi saya sokong penuh Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Sekian, terima kasih.

6.01 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Yang Berhormat Senator Hassan bin Nam telah membangkitkan mengenai perlesenan Bank. Yang Berhormat telah mengingatkan supaya kita perlu mengawal dengan rapi supaya pindahmilik saham-saham tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenang. Sukalah saya memaklumkan dalam Dewan ini bahawa pindahmilik saham tidak boleh dibuat tanpa persetujuan Menteri Kewangan Dengan itu soal-soal penjualan lesen adalah tidak boleh dibuat dengan sesuka hati. Dan perkara ini akan dapat diperhati oleh pihak Kerajaan supaya ianya dapat dikawal

dengan lebih rapi seperti yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Hassan Nam juga telah menyentuh berkenaan dengan isu-isu yang dibangkitkan seperti meminta supaya Bank Negara meminjam ketokohan sistem kewangan negara dan memberi perlindungan sepenuhnya kepada deposit-deposit orangramai. Perkara ini seperti yang saya sebut dalam masa membentangkan Akta Rang Undang-undang ini akan diberi keutamaan dan dengan terkanunnya Rang Undang-undang ini maka perkara-perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi pastilah akan dapat kita kawal dan kita ambil tindakan dengan lebih berkesan lagi.

Mengenai latarbelakang Pengarah-pengarah seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, mereka sememangnya ditapis dari beberapa segi termasuk tapisan kewangan dan keselamatan serta penglibatan mereka dalam bidang-bidang yang lain,

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Lau Keong Siong baru sebentar berucap membangkitkan mengenai soal faedah pinjaman yang tinggi. Mengenai isu ini, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Bank Negara telah menetapkan garis panduan-garis panduan yang tertentu mengenai kadar faedah yang boleh dikenakan oleh bank. Mengenai kadar faedah denda atas faedah pinjaman adalah merupakan amalan biasa dalam perniagaan bank, tetapi kadarnya tidak boleh dibuat sesuka hati. Dengan itu mana-mana pelanggan yang tidak berpuas hati dan merasa ditindas, ia bolehlah membuat aduan kepada Bank Negara untuk siasatan lanjut.

Berkenaan perkara Yang Berhormat sebut secara spesifik baru sebentar tadi, kita akan menyiasat perkara ini dengan teliti demi untuk mengelakkan perkara-perkara yang disebut itu daripada berulang lagi. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,
Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 131 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:
dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA, KAWALAN PERTUKARAN WANG,
INSURANS DAN TAKAFUL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat beberapa pindaan ke atas Ordinan Bank Negara Malaysia 1953 bagi mensesuaikannya dengan tafsiran-tafsiran dan rujukan-rujukan yang terdapat di dalam Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 yang telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan **ini**. Penyesuaian ini perlu dibuat kerana Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969 yang dirujuk dalam Ordinan itu akan dimansuhkan apabila terkanunnya Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 nanti. Dengan itu rujukan berkenaan akan digantikan dengan rujukan kepada Akta baru tersebut.

Peluang ini juga diambil untuk membuat beberapa pindaan sampingan dengan tujuan untuk memperkemas dan memperbaiki lagi Ordinan tersebut selaras dengan perkembangan-perkembangan semasa. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Ordinan itu juga melibatkan pindaan-pindaan berbangkit ke atas Akta Rawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984. Dengan sebab itu, Rang Undang-undang ini merangkumi pindaan-pindaan ke atas Ordinan Bank Negara 1958 dan tiga Akta lain yang berkaitan secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan utama yang dicadangkan ke atas Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 melalui Rang Undang-undang ini adalah sebagaimana berikut:-

Fasal 5 adalah untuk meminda seksyen 11(1)(b) Ordinan, bagi melarang Gabenor atau Timbalan Gabenor Bank Negara daripada menjadi pegawai bergaji atau pengarah bukan sahaja dalam bank-bank perdagangan atau bank saudagar seperti yang diperuntukkan sekarang tetapi juga dalam institusi-institusi kewangan yang lain. Menteri Kewangan bagaimanapun boleh meluluskan supaya Gabenor atau Timbalan Gabenor menjadi Ahli Lembaga Pengarah bagi institusi-institusi tersebut sekiranya diperlukan oleh dasar negara. Pindaan ini perlu bagi mensesuaikannya dengan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Fasal 6 adalah untuk meminda seksyen 14(2)(a) Ordinan bagi menjelaskan bahawa seseorang Pengarah Bank Negara adalah dilarang menghadiri sesuatu mesyuarat Lembaga Pengarah bila mana perkara-perkara mengenai kontrak yang dia mempunyai kepentingan di dalamnya sedang ditimbang oleh Lembaga.

Fasal 8 adalah meminda seksyen 16 Ordinan bagi membolehkan peruntukan kerahsiaan dipakai bukan sahaja kepada bank dan syarikat-syarikat kewangan tetapi juga kepada institusi-institusi kewangan lain di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Fasal 9 adalah untuk memasukkan seksyen baru 16A ke dalam Ordinan untuk membolehkan Bank Negara membuat laporan di bawah undang-undang kepada pihak polis atau pihak-pihak lain yang berkenaan sekiranya bank mengesyaki sesuatu jenayah telah dilakukan di bawah Akta-akta yang berkaitan dengan institusi kewangan.

Fasal 13 adalah untuk meminda seksyen 27(1)(2) Ordinan bagi menjelaskan bahawa seseorang tidak berhak menuntut daripada Bank Negara nilai wang kertas yang diconteng. Ini adalah untuk menyelaraskan dengan dasar mengenai wang conteng yang diumumkan pada tahun lepas. Pindaan-pindaan berbangkit juga perlu dibuat kepada seksyen-seksyen 24 dan 25 kerana ia juga melibatkan perkara yang sama.

Fasal 14 adalah untuk memotong seksyen 30(1)(c)(tt) dan (ttt) Ordinan tersebut iaitu yang berkaitan dengan pentadbiran Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984. Untuk menggantikan perenggan-perenggan itu, subseksyen baru (3) dimasukkan ke dalam seksyen 30 bagi membuat peruntukan yang lebih jelas berkaitan dengan tugas Bank Negara untuk mentadbirkan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963, Akta Bank Islam 1983, Akta Takaful 1984, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan undang-undang yang lain.

Fasal 15 adalah untuk meminda seksyen 31(e) Ordinan bagi menjelaskan kuasa Bank Negara untuk memberi pajakan dan penyewaan kepada orang lain harta-benda tak-alihnya yang tidak diperlukan untuk kegunaannya sendiri buat sementara waktu.

Fasal 16 adalah untuk meminda seksyen 31(A) Ordinan. Seksyen ini dipinda untuk dua tujuan. Pertama untuk meminda peruntukan yang sedia ada iaitu yang membolehkan Bank Negara membeli saham atau memberi pinjaman kepada bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan yang menghadapi masalah kewangan bagi membolehkan peruntukan itu diperluaskan kepada semua institusi kewangan yang diliputi oleh Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Yang kedua ialah untuk memasukkan peruntukan baru supaya pinjaman boleh diberi kepada mana-mana institusi kewangan berlesen untuk membeli saham atau harta-benda dan liability sesebuah institusi kewangan lain yang menghadapi masalah kewangan. Peruntukan ini adalah berkaitan dengan rancangan menyelamatkan institusi-institusi kewangan yang bermasalah,

Fasal 17 adalah untuk menggantikan seksyen 31B Ordinan dengan seksyen baru 31B bagi memberi kenyataan yang lebih jelas mengenai kepentingan pendeposit.

Fasal 23 adalah untuk memasukkan perenggan baru ke dalam seksyen 37 (1) Ordinan tersebut untuk membolehkan Bank Negara mengeluarkan arahan kepada institusi-institusi kewangan mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan pengawasan dan pengawalan institusi-institusi urusan bank dan lain-lain institusi di bawah Ordinan tersebut serta di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963, Akta Bank Islam 1983, Akta Takaful 1984 dan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 yang dicadangkan itu dan juga sebarang perkara berkaitan dengan dasar kewangan.

Pindaan ke atas seksyen 37 ini juga memerlukan pindaan berbangkit kepada seksyen 39 dan 40.

Fasal 30 adalah untuk memasukkan subseksyen baru ke dalam seksyen 49 Ordinan tersebut bagi memberi kuasa-kuasa Bank Negara memberi pinjaman pelajaran kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Bank Negara serta anak-anak mereka dan orang lain yang sesuai.

Fasal 31 adalah untuk meminda seksyen 51 Ordinan bagi menaikkan denda dan hukuman penjara yang diperuntukkan dalam seksyen itu dan Fasal 32 adalah untuk memasukkan seksyen baru 53A untuk membolehkan Bank Negara diwakili dalam prosiding sivil oleh Pengarah atau kakitangannya. Ini diantara lain bertujuan untuk menjimatkan kos.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ke atas subseksyen baru (3) seksyen 30 Ordinan Bank Negara 1958 yang dibuat melalui Fasal 14 memerlukan pindaan sewajarnya ke atas seksyen 3(1) Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, seksyen 35(1) Akta Insurans 1963 dan seksyen 54(1) Akta Takaful 1984. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah dibuat melalui Fasal-fasal 33, 34 dan 35. Ia bertujuan untuk menjelaskan bahawa kuasa-kuasa, fungsi-fungsi dan tugas-tugas yang diberikan oleh masing-masing Akta itu kepada Pengawal Pertukaran Wang Asing, Ketua Pengarah Insurans dan Ketua Pengarah Takaful bagi pihak Bank Negara hendaklah dijalankan oleh Gabenor Bank Negara.

Secara keseluruhannya, pindaan undang-undang yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah penting dan perlu bagi mengemas-kinikan Ordinan Bank Negara Malaysia 1958. Selaras dengan cadangan-cadangan pengujudan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Dengan pindaan-pindaan ini, pengawasan dan pentadbiran institusi-institusi kewangan akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan oleh Bank Negara Malaysia.

TuanYang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang dihadapi Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila.

6.25ptg.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sukacita untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini Akta Bank Negara Malaysia, Kawalan Pertukaran Wang, Insurans dan Takaful (Pindaan) 1989.

Pindaan yang dicadangkan ke atas tiga Akta. Parlimen adalah lewat. Ini menunjukkan betapa pentingnya pandangan Kerajaan Barisan Nasional terhadap banyak jenayah kolar putih yang dilakukan oleh mereka yang mempunyai kawalan dan pengurusan bank dan institusi-institusi kewangan dan koperatif.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kerana memperkenalkan langkah-langkah keras untuk memeriksa dan menahan salah pengurusan dan pecah amanah yang dilakukan oleh Pengarah-pengarah dan Pegawai Bank dan orang awam. Disebabkan oleh salah pengurusan oleh Pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai bank yang tamak, pemegang-pemegang saham dan penyimpan-penyimpan wang telah kehilangan berjuta-juta ringgit dalam skandal dan tipu muslihat dalam bank-bank, institusi-institusi kewangan dan koperatif.

Terdapat banyak misal tetapi saya tidak ingin untuk menamakan bank-bank atau institusi-institusi yang pernah terlibat dalam skandal dan salah pengurusan tersebut. Ia adalah satu pengetahuan umum bahawa bank-bank, institusi-institusi kewangan dan koperasi telah diambil alih dan dibina semula oleh Bank Negara. Kegiatan-kegiatan haram seperti ini oleh mereka yang terlibat telah mengakis keyakinan dan kepercayaan pelabur-pelabur yang ingin melabur dalam ekonomi kita dan jika melonggarkan tidak diketatkan ia akan menjejaskan pembangunan ekonomi kita. Oleh yang demikian, adalah perlu untuk pindaan-pindaan ini. Walaupun Bank Negara mempunyai kuasa penyiasatan dan kawalan ia tidak mencukupi untuk melindungi pemegang-pemegang saham, penyimpan-penyimpan wang dan orang awam. Rang Undang-undang ini, saya berharap akan memberi Bank Negara lebih luas kuasa pemerhatian dan pengawalan.

Dalam perkara ini saya meminta Bank Negara mendirikan satu Jemaah Pemeriksa untuk memberi pemerhatian dan pengawalan yang berkesan ke atas hal-ehwal ke semua bank-bank, institusi-institusi kewangan, koperasi dan syarikat-syarikat insurans dan membawa ke mahkamah ke semua mereka yang menggunakan institusi-institusi ini untuk memperkayakan diri sendiri tanpa ketakutan dan memihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut cadangan pindaan untuk menjadikan Gabenor Bank Negara sebagai Ketua Pengarah Insurans. Pada masa kini Ketua Pengarah Insurans adalah pekhidmat awam dari Kementerian Kewangan tanpa keluasan kuasa pemerhatian dan pengawalan atas kegiatan-kegiatan syarikat-syarikat insurans biar syarikat insurans nyawa atau am. Kegiatan syarikat-syarikat insurans am harus diperhati dengan teliti terutamanya berkenaan dengan polisi insurans motor. Syarikat-syarikat insurans seperti ini telah

mendirikan cawangan di seluruh negara dan telah melantik wakil-wakil urusan mereka. Kebanyakan daripada wakil insurans atau wakil kecil insurans tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai undang-undang insurans dan mereka tidak menerangkan kepada orang awam risiko untuk apa yang mereka jamin ganti rugi dan untuk apa yang mereka tidak jamin ganti rugi. Apabila sesuatu tuntutan dibuat oleh orang yang layak mendapat bayaran syarikat-syarikat insurans ia cuba mengelak bayaran dengan mencari perenggan perjanjian dengan mengeneipkan perlindungan (protection viewer clause), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan-perenggan perjanjian seperti ini biasa tidak diterangkan dengan sepenuhnya oleh wakil insurans dan kadangkala dikenakan oleh syarikat-syarikat insurans tanpa keizinan mereka yang membeli insurans. Perjanjian dalam polisi yang dikeluarkan biasanya memihak syarikat-syarikat insurans dan tidak melindungi kepentingan mereka yang membelinya. Polisi-polisi tersebut mengandungi berbagai-bagai perenggan penapaian. Saya meminta Ketua Pengarah Insurans untuk mengkaji semula polisi insurans motor dan memperkenalkan satu polisi piawaian yang mementingkan mereka yang membeli polisi tersebut.

Setengah daripada syarikat insurans tidak mempunyai pemerhatian atau kawalan ke atas wakil-wakil atau wakil kecil-wakil kecil insurans mereka. Terdapat banyak umpamanya.....

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Yang Berhormat, masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri membawa Usul Penangguhan Mesyuarat.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan. Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

PEMBASMIAN KEMISKINAN

6.31 ptg.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memperkatakan sepatah dua di atas pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah pulih dengan sepenuhnya daripada keadaan kemelesetan dan ekonomi negara semakin bertambah baik. Daripada kurang 1% dalam 1985 sehingga 8.7% pertumbuhan ekonomi tahun lepas ekonomi kita telah mencapai prestasi yang dibanggakan. Sebahagian kesan adalah disebabkan oleh peningkatan kembali harga-harga komoditi negara kita. Semua rakyat Malaysia

patut bersatu dalam usaha mencapai harapan kita untuk menjadi satu daripadanya Negara-negara Perindustrian Baru (NIC) tidak lama dari waktu ini. Dalam perkara ini Kerajaan patut memberi segala galakan yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah pertama, usaha positif patut dimulakan untuk merendahkan lagi jumlah orang miskin dengan tujuan membasmi sama sekali kemiskinan. Dengan adanya kekayaan semulajadi yang lumayan dan jumlah penduduk yang tidak ramai, ini bukanlah merupakan perkara yang mustahil dengan syarat strategi yang sesuai itu dilaksanakan. Di samping itu, adalah sangat penting juga bagi kita menyingkirkan mereka dari pihak pentadbiran yang tidak bertanggungjawab, mereka yang tamak serta yang mementingkan diri mereka sebab mereka telah menghakiskan banyak wang titik peluh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan wujud di semua sektor masyarakat dan mempengaruhi semua kaum di negara ini. Ini mestilah jelas dikenalkan dan dalam sebarang usaha yang akan diambil ia mestilah dilaksanakan atas dasar tanpa kira kaum, agama, falsafah politik ataupun kawasan kediaman. Adalah sangat sukacita dimaklumkan bahawa sejumlah \$390 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan khususnya untuk mengatasi sebahagian daripada masalah kemiskinan ini. Kejayaan atau kegagalan usaha ini bergantung kepada strategi yang digunakan. memulakan usaha-usaha untuk mengenalpasti orang-orang yang miskin

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa Kerajaan telah yang patut ditolong. Dalam menjalankan tugas-tugas mereka ini,

pegawai-pegawai yang berkenaan patut mendapatkan juga pertolongan atau bantuan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat dalam kawasan yang berkenaan. Lebih baik lagi, pemimpin-pemimpin masyarakat patutlah digalakkan untuk memberi cadangan-cadangan mereka. Di sini saya ingin menyeru kepada pemimpin-pemimpin masyarakat untuk mengambil kesempatan dan menggunakan inisiatif diri mereka untuk membuat cadangan-cadangan kepada Kerajaan negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, selepas usaha kenalpasti dijalankan dan golongan miskin telah dikenalpasti, usaha-usaha selanjut yang wajar harus dilaksanakan dengan mempertimbangkan merit, dengan lain, setiap kes. Setiap orang miskin tidaklah patut digalakkan kekal sebagai orang miskin dengan mengeksploitasi kerelaan Kerajaan menolong mereka sama ada orang itu orang Cina, Kadazan, India atau orang Melayu. Dalam usaha mengenalpasti, satu perkara yang sangat penting yang patut diketahui adalah sebab-sebab timbulnya kemiskinan. Sekiranya sebab seseorang itu masih miskin adalah disebabkan oleh kemalasannya, usaha yang patut diambil ialah menggalakkan orang itu membuat kerja dengan lebih tekun lagi. Umpamanya, jika orang itu ada tanah yang dikerjakan, disebabkan orang tersebut percaya bahawa dia akan mendapat pertolongan kewangan dari Kerajaan, kesemua usaha pertolongan patutlah diberhentikan kecuali bantuan yang dapat menggalakkan orang seumpama itu mengerjakan tanahnya. Bantuan bolehlah diberi untuk mendidikan orang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya, sekiranya pengangguran adalah merupakan punca, maka bantuan nyata yang diperlukan adalah

mencarikan kerja untuk mereka atau memberikan mereka sesuatu untuk bekerja di atasnya, misalnya, dapatkan tanah untuk mereka bagi menjalankan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, satu pemandangan yang memedihkan mata penganggur-penganggur adalah mereka amat sukar mendapatkan tanah.....

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim; Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Chan Choong Tak: Hampir habis, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abu Bakar bin Lajim: Seminit lagi.

Tuan Chan Choong Tak: Baik. Terdapat banyak tanah-tanah yang dibiarkan begitu sahaja oleh tuanpunya tanah yang bernasib baik di mana mereka tidak lagi memerlukan tanah untuk mencari rezeki hidup. Saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya memberikan tanah kepada mereka yang benar-benar memerlukan tanah atau memberikan pertolongan kepada mereka supaya mereka yang berkehendakkan tanah diberikan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perenggan sahaja lagi. Selain daripada bantuan secara langsung, Kerajaan haruslah terus membekalkan infrastruktur-infrastruktur kepada golongan miskin ini supaya beban mereka dapat dikurangkan.

Dalam menjalankan jumlah wang sebanyak \$390 juta ini Kerajaan haruslah bermatlamat dengan tujuan untuk membantu golongan-golongan yang benar-benar miskin dengan harapan yang akhirnya mereka dapat hidup dengan berdikari. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Jawapan daripada Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi jawapan bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum merupakan objektif pertama Dasar Ekonomi Baru.

Sepanjang tempoh pelaksanaan DEB selama 18 tahun banyak Kamajuan telah dicapai ke arah matlamat pembasmian kemiskinan menjelang akhir tahun 1990. Pada tahun 1987, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia adalah pada tahap yang rendah dalam tahun 1970, Di Sabah, kadar kemiskinan telah berkurangan daripada 58.3% pada tahun 1976 kepada 35.3% pada tahun 1987 sementara di Sarawak, daripada 56.5% kepada 24.7% dalam tempoh yang sama. Sungguhpun kejayaan dalam pembasmian kemiskinan ini boleh dibanggakan, namun Kerajaan masih belum berpuashati dan usaha-usaha yang lebih gigih sedang dilaksanakan untuk terus membasmi kemiskinan terutamanya di kalangan rakyat termiskin.

Seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, kadar kemiskinan di kalangan golongan ini adalah kira-kira 4.8% atau seramai 134,400 isirumah di Semenanjung Malaysia, 4.5% atau 13,600 isi rumah di Sarawak dan 8.7% atau 21,900 isirumah di Sabah. Kalau dianggap satu iairumah mengandungi 5 ahli, ini bermakna jumlah rakyat termiskin ialah hampir seramai 850,000. Rakyat termiskin adalah ditakrifkan sebagai isi rumah yang menerima pendapatan kurang separuh daripada pendapatan garis kemiskinan atau sebanyak \$175 sebulan dan menghadapi masalah bagi menampung

keperluan asas mereka sama ada makanan atau bukan makanan. Atas asas peri kemanusiaan, mereka perlu diberi perhatian yang serius supaya mereka dapat sama-sama menikmati faedah pembangunan negara dan tidak lagi jauh ketinggalan.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$391.7 juta bagi tempoh 1989/1990 untuk membantu rakyat termiskin. Program-program yang disusun mengambil kira ciri-ciri utama golongan ini seperti ketiadaan tanah atau saiz tanah yang tidak ekonomik, tempat tinggal yang tidak sempurna dan kekurangan keperluan asas yang lain seperti persekolahan dan kesihatan anak-anak. Program ini menekankan aspek-aspek pembangunan keluarga termiskin dalam berbagai bidang kehidupan di samping perubahan sikap dan pembangunan daya usaha sendiri.

Program-program ini akan dilaksanakan sebagai satu package, dengan lain, dan akan disesuaikan mengikut ciri-ciri dan masalah setempat di setiap kawasan yang dikenalparti. Bentuk dan cara pelaksanaan program yang dicadangkan adalah berlainan daripada yang biasa dilaksanakan. Langkah terpenting ialah mengenalpasti keluarga termiskin serta kawasan-kawasan di mana mereka berada. Penekanan diberikan kepada penglibatan mereka secara aktif dalam kegiatan-kegiatan ekonomi untuk meningkatkan pendapatan keluarga.

Di samping itu, usaha-usaha yang lebih khusus akan dilaksanakan untuk memberi mereka tunjuk-ajar mengenai amalan-amalan pertanian dan perniagaan yang baik bagi meningkatkan hasil pertanian perusahaannya mereka. Antara program/projek yang telah disusun dan sebahagiannya dilaksanakan untuk rakyat termiskin, sebagai contoh, dalam sektor pertanian ialah penglibatan dalam rancangan pemulihan tanah terbiar, penyatuan tanah dan penyusunan semula kampung selaras dengan konsep hala-cara baru, pembangunan kampung dan luarbandar, memperbanyak projek-projek ekonomi bagi meningkatkan produktiviti

dan pendapatan sampingan seperti projek-projek ladang jaya-diri, cendawan, lebah-madu dan tanaman jangka-pendek yang sesuai, menggiatkan khidmat pengembangan dan bimbingan untuk menggalakkan petani-petani termiskin, mengamalkan corak-corak pertanian yang baik bagi meningkatkan hasil ladang, menyediakan kemudahan infrastruktur, merangka skim kemudahan kredit khas tanpa faedah, memperluaskan bantuan di bawah program pendidikan yang meliputi rancangan makanan tambahan, asrama desa, khutub-khanah desa dan sebagainya.

Demi untuk menentukan bahawa golongan termiskin benar-benar mendapat faedah terus daripada program-program yang dilaksanakan, beberapa pengubahsuaian juga telah dibuat ke atas strategi dan corak pelaksanaan program-program ini. Satu sistem 'delivery', dengan izin, yang sedang dirancang dan dilaksanakan meliputi setiap peringkat yang bermula dari Jawatankuasa Pemandu di peringkat pusat yang akan menentukan daerah-daerah miskin yang memerlukan keutamaan, bentuk-bentuk program dan agihan peruntukan yang diberikan, diikuti dengan Jawatankuasa Pemandu di peringkat negeri dan Jawatankuasa Pembangunan Daerah yang akan mengenalpasti kumpulan-kumpulan dan kawasan-kawasan sasaran di peringkat daerah, mukim dan kampung. Di samping program membantu rakyat termiskin, Kerajaan akan terus melaksanakan program-program untuk golongan miskin lain yang tidak termasuk di bawah definisi ini secara khusus.

Bagi tujuan ini, penekanan akan diberi kepada asas pertumbuhan ekonomi sementara perhatian lebih serius akan diberi kepada pembangunan sumber tenaga manusia sebagai teras jangka-panjang untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan golongan miskin. Jentera pentadbiran dan sistem penyaluran Kerajaan bagi program-program

kemiskinan akan terus diperkemaskan untuk memastikan bahawa ianya menjadi lebih peka kepada keutamaan dan masalah setempat.

Kerajaan sentiasa bersedia mempertimbangkan dan mengambil kira pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjayakan lagi program membasmi kemiskinan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengemukakan masalah kepada Dewan ini untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajun: Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok, hari Selasa, 11hb Julai 1989.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.